

OGOS 1 - 15, 2020

PENANG 2030

Amalkan 4P

PERCUMA

Penjarakan sosial

Pakai pelitup muka

Pencucian tangan dengan sabun

Perhatikan gejala COVID-19

BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com

buletinmutiara | ChowKonYeow

chowkonyeow

@ChowKonYeow

Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd.

TERAJUI PTMP



KETUA Menteri dan Pengarah Urusan Kumpulan Gamuda Bhd., Datuk Lin Yun Ling (barisan pertama, empat dari kiri) masing-masing menunjukkan dokumen perjanjian berkaitan sambil merakam gambar bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri serta dif-dif jemputan kehormat sejurus majlis menandatangani perjanjian bagi pelaksanaan PTMP di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan SRS Consortium di sini baru-baru ini. (Berita di muka surat 2).

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengumumkan penubuhan syarikat bertujuan khas (SPV), Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. bagi menerajui pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri itu telah didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016 dan berjaya diperbadankan pada 9 Julai lalu.

“Pemerbadanan syarikat ini adalah bertujuan melaksanakan projek infrastruktur mega yang merangkumi komponen Transit Aliran Ringan (LRT) Bayan Lepas, Lebuhraya Pan Island Link 1 dan 2A, (PIL 1 dan PIL 2A), Projek Tambak Laut Selatan Pulau Pulau Pinang (PSR), tiga jalan utama serta terowong dasar laut.

“Selain itu, Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. juga turut terlibat untuk merancang dan membangunkan kawasan PSR termasuk pembangunan di atas tiga pulau apabila ia siap, kelak,” katanya pada sidang media di sini

15 Julai lalu.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebakan Banjir, Zairil Khir Johari; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato’ Abdul Razak Jaafar; Pegawai Undang-undang Negeri, Dato’ Norazmi Mohd. Narawi dan Ketua Seksyen Pengangkutan Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato’ Lim Hock Seng.

Difahamkan, projek LRT Bayan Lepas, PIL 1 dan 2A serta PSR adalah dipertanggungjawabkan kepada SRS Consortium Sdn. Bhd. selaku rakan pelaksana projek (PDP) manakala Zenith Consortium Sdn. Bhd. pula bagi pelaksanaan projek bagi tiga jalan utama dan terowong dasar laut.

Kon Yeow menambah, ahli-ahli lembaga pengarah syarikat baru itu adalah terdiri daripada beliau sendiri selain Abdul Razak serta Zairil.

“Penambahan ahli-ahli lembaga pengarah akan diputuskan dari semasa ke semasa dengan pelantikan pakar-pakar dalam bidang tertentu dan mesyuarat ahli lembaga pengarah pertama dijadualkan 15 Julai 2020.

Justeru, Kerajaan Negeri sebagai penggerak projek

PTMP berharap agar dengan tertubuhnya syarikat ini, pelaksanaan tugas segera terutamanya oleh pihak SRS Consortium bagi tujuan merancang dan penambakan Pulau A serta komponen LRT akan berjalan lebih lancar,” ujarnya.

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Kon Yeow memberitahu bahawa kerja-kerja awalan bagi komponen-komponen PTMP sedang giat dilaksanakan.

“Memegang prinsip CAT (Cekap, Akauntabiliti dan Telus), Kerajaan Negeri akan memastikan rakyat di negeri ini sentiasa mendapat maklumat terkini PTMP serta komponen-komponennya sepanjang tempoh pembinaan berjalan.

“Serentak itu, Penang Infrastructure Corporation Sdn. Bhd. juga akan bekerjasama dengan PDP bagi meneliti rancangan kewangan untuk pembiayaan komponen-komponen utama PTMP dengan segera bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek berkaitan,” ulasnya lagi.

Menjawab soalan pemberita, Kon Yeow menegaskan kos bagi pembiayaan semua komponen PTMP akan diputuskan selepas Kerajaan Negeri menerima perincian rancangan kewangan daripada SRS Consortium Sdn. Bhd..

(Rujuk juga muka surat 2).

Miliki rumah sendiri menerusi RTO

Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

PADANG LALANG – Keceriaan jelas terpancar pada wajah 26 penghuni Rumah Pangsa Desa Wawasan di sini apabila menerima surat tawaran skim sewa beli unit kediaman daripada Kerajaan Negeri.

Majlis penyerahan surat tawaran berkenaan disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada 4 Julai lalu.

Kon Yeow berkata, Kerajaan Negeri memperkenalkan kaedah Sewa Beli atau *Rent to Own* (RTO) bagi membolehkan penduduk di negeri ini memiliki rumah sendiri dan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kediaman masing-masing.

Menurut beliau, melalui kaedah tersebut, pembeli terpilih perlu membayar ansuran bulanan sebanyak RM240 sebulan bagi tempoh 15 tahun mulai 1 Oktober ini.

“Bagi fasa pertama, seramai 26 pembeli telah terpilih untuk menerima tawaran skim sewa beli unit kediaman di Blok B, Rumah Pangsa Desa Wawasan.

“Pemilik sewa akan terus

SEBAHAGIAN penerima menunjukkan surat tawaran diterima.

membayar sewa yang akan dianggap sebagai bayaran ansuran bulanan bagi tempoh ditetapkan.

“Pada akhir tempoh (bayaran) ini, pemilikan rumah berkenaan akan dipindah milik kepada penduduk serta penghuni yang memilih kaedah sewa beli,” ucapnya pada Majlis Penyerahan Surat Tawaran Sewa Beli Rumah Pangsa Desa Wawasan berkenaan.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang, Chong Eng dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato’ Sr. Rozali Mohamud.

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Dato’ Azhar Arshad; Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Perumahan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, ‘Ainul Fadhilah Samsudi serta Pengurus Persatuan Penduduk Rumah Pangsa Desa Wawasan, Sanusi Ahmad juga turut hadir.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri memperuntukkan RM1.5 juta bagi kerja-kerja pemberian pulihkan unit-unit kediaman di Blok B, Rumah

KETUA Menteri dan Jagdeep Singh Deo (barisan pertama, tiga dari kiri) bersama-sama barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan para penerima merakam gambar kenangan dengan berlatarbelakangkan Rumah Pangsa Desa Wawasan sejurus majlis penyerahan surat tawaran sewa beli di sini baru-baru ini.



Pangsa Desa Wawasan sebelum ditawarkan kepada pembeli melalui kaedah sewa beli.

Justeru, adalah diharapkan melalui kaedah ini ia dapat memberi semangat baru kepada penghuni Rumah Pangsa Desa Wawasan.

“Marilah kita bersama-sama berganding bahu memastikan satu keperluan asas iaitu perumahan dan persekitarannya dapat dijaga dengan sebaik mungkin,” ujarnya.

Dalam pada itu, Jagdeep menjelaskan bahawa bagi fasa pertama, sebanyak 150 daripada 456 unit kediaman di Blok B,

Rumah Pangsa Desa Wawasan telah dikenal pasti untuk ditawarkan kepada pembeli melalui kaedah sewa beli.

“Kita akan beri keutamaan kepada penduduk di perumahan ini terutamanya bagi penghuni yang mempunyai rekod bersih seperti tidak mempunyai tunggakan bayaran serta sebagainya,” jelas beliau.

Difahamkan, Rumah Pangsa Desa Wawasan merupakan yang keenam daripada 13 projek perumahan rakyat di negeri ini yang ditawarkan kepada pembeli melalui kaedah sewa beli.

(Dari muka surat 1).

Kerajaan Negeri-SRS Consortium meterai perjanjian pelaksanaan PTMP

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan SRS Consortium secara rasminya menandatangani perjanjian bagi pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP).

Perjanjian ditandatangani antara Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mewakili Kerajaan Negeri dan Pengarah Urusan Kumpulan Gamuda Bhd., Datuk Lin Yun Ling mewakili SRS Consortium sambil disaksikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato’ Abdul Razak Jaafar serta Pengarah Projek SRS Consortium, Szeto Wai Loong.

Kon Yeow berkata, melalui pemeteraian perjanjian tersebut, rakan pelaksana projek (PDP) PTMP, SRS Consortium perlu menyiap dan mengemukakan rancangan kewangan kepada Kerajaan Negeri dalam tempoh sebulan.

Menurut beliau, rancangan kewangan tersebut akan membolehkan Kerajaan Negeri meneliti kos dan aliran tunai bagi projek PTMP.

“Mengikut perjanjian ini, SRS Consortium juga bertanggungjawab untuk mengeluarkan dana pembiayaan berjumlah RM1.3 bilion manakala Kerajaan Negeri pula perlu menyediakan RM1 bilion.

“Kami akan mengkaji rancangan kewangan sebelum membuat keputusan yang sewajarnya” katanya pada sidang media selepas Majlis Menandatangani Master Agreement for Project Delivery Partner for The Implementation of PTMP di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan SRS Consortium dekat sini 1 Julai lalu.

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; barisan Exco serta Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN).

Difahamkan, PTMP merangkumi tiga komponen utama

iaitu Transit Aliran Ringan Bayan Lepas (BL LRT), Lebuhraya Pan Island Link 1 dan 2A (PIL1 dan PIL2A), serta Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pulau Pinang (PSR) dengan anggaran kos RM46 bilion.

Mengulas mengenai cadangan PSR, Kon Yeow mengatakan bahawa projek tersebut telah menarik minat pemain-pemain industri.

“Sudah semestinya kita mahu projek ini dilaksanakan secepat mungkin terutamanya Pulau A, kerana berdasarkan kajian pasaran menunjukkan bahawa pemain industri sangat berminat untuk adakan lebih banyak kawasan perindustrian,” ulasnya.

PSR merupakan projek penambakan kawasan seluas kira-kira 4,500 ekar yang bertujuan mewujudkan pulau, di bahagian selatan pulau Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Kon Yeow dalam ucapannya sebelum itu mengatakan bahawa PTMP dilihat sebagai projek transformasi ekonomi negeri untuk tempoh 50 tahun akan datang.

“Projek PSR membolehkan Kerajaan Negeri menyediakan

Rumah Mampu Milik (RMM) berkualiti kepada golongan memerlukan di lokasi strategik yang dihubungkan dengan rangkaian pengangkutan efisien.

“Secara keseluruhan PTMP bermatlamat untuk mencapai 40 peratus mod pengangkutan awam berbanding yang dicatatkan kini iaitu lapan peratus,” jelasnya.



Oleh: AZMI HUSSIN

'Linear Waterfront' transformasi pesisiran pantai Bayan Baru



Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bercadang mentransformasikan semula kawasan di sepanjang Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu sebagai 'Linear Waterfront'.

Cadangan transformasi tersebut bakal bermula dari pusat beli-belah Queensbay hingga Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam Shah yang berhadapan dengan Pulau Jerejak sepanjang lapan kilometer.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa PDC telah membuka permintaan untuk cadangan (RFP) bagi pembangunan bersepudur tersebut dengan nilai pembangunan kasar (GDV) dianggarkan mencecah hampir RM1 bilion.

"PDC sebagai agensi pembangunan Kerajaan Negeri telah bekerjasama rapat dengan beberapa agensi teknikal berkaitan bagi tujuan perancangan untuk panggilan RFP ini demi memastikan keperluan serta kepentingan semua pihak terlibat diambil kira."

"RFP ini telah dibuka sejak 31 Julai lalu dan akan ditutup pada 30 September 2020. Semua cadangan pembangunan perlu mempunyai keseimbangan keperluan kawasan terlibat dan secara holistik merupakan salah satu kriteria utama dalam menilai keupayaan projek, manakala perancangan jadual pelaksanaan akan dimuktamadkan semasa peringkat rundingan RFP," ujarnya pada sidang media yang turut dihadiri Pengurus Besar PDC, Dato' Mohd. Bazid Abdul Kahar di sini pada 23 Jun lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan Timbalan Pengurus Besar PDC, Aziz Bakar.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Pengurus Besar PDC memberitahu bahawa pembangunan kawasan seluas 150 hektar berkenaan adalah untuk mengukuhkan konurbasi bandar Bayan Baru dengan mewujudkan kawasan pembangunan baharu yang berdaya maju sekaligus melengkapkan kawasan perindustrian Bayan Lepas sedia ada.

"Ia akan menambah bank tanah Kerajaan Negeri untuk

projek pembangunan berimpak tinggi di samping menarik pelaburan masa hadapan.

"Jika dilihat kepada sejarah pembangunan pada tahun 1975, PDC telah melakukan tebus guna tanah untuk tujuan pembangunan ekonomi Pulau Pinang dari Jambatan Pulau Pinang hingga ke Batu Maung, dan keluasan tanah ini merangkumi 1,120 ekar yang kini digunakan untuk tujuan perindustrian, produk pelancongan, komersial, infrastruktur serta pembangunan bercampur.

"Sehingga kini, kawasan inilah yang telah menyokong dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi sehingga meletakkan Pulau Pinang antara penyumbang utama KDNK (Keluaran Dalam Negara Kasar)," ulasnya.

Mengulas lanjut mengenai cadangan pembangunan yang dicadangkan, Aziz menjelaskan bahawa pembangunan bertemakan 'waterfront' tersebut bakal merangkumi sektor perkhidmatan seperti hotel, restoran dan perubatan, komersial serta pembangunan bercampur.

"Ia akan menyediakan rangkaian infrastruktur dan cadangan perhubungan awam yang komprehensif dan lebih terancang, malah akan mewujudkan kawasan rekreasi serta pelancongan menghadap laut serta pulau (Pulau Jerejak) terpanjang di Pulau Pinang.

"Sebahagian kawasan yang bakal terlibat adalah kawasan astaka pantai Seagate, balai dan jeti nelayan di sepanjang kawasan ini.

"Adalah dijangkakan pembangunan semula kawasan ini akan lebih terancang, moden, lengkap dengan fasiliti yang lebih baik yang akan menjadikan aktiviti ekonomi penduduk terlibat dapat ditingkatkan serta dipelbagaikan apabila ia siap kelak," jelasnya.

Unit kilang SME Village Batu Kawan Fasa 4A, usahawan diseru rebut peluang

GEORGE TOWN – Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) tampil memperkenalkan inisiatif pelan pembelian mudah dalam usahanya membantu Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) negeri untuk memiliki ataupun menyewa unit kilang Projek SME Village Batu Kawan Fasa 4A, Taman Perindustrian Batu Kawan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa promosi kadar istimewa tersebut bertindak untuk menyokong perniagaan serta perusahaan PKS di negeri ini dengan mengambil kira kekangan yang dihadapi pengusaha ketika berdepan dengan situasi mencabar pasca COVID-19.

"Mengambil kira kekangan yang sedang dihadapi oleh PKS, PDC telah merangka pelan pembelian mudah dengan menawarkan pengurangan harga jualan sebanyak 15 peratus iaitu bersamaan RM561,793.50 hanya untuk tempoh enam bulan (sahaja) bermula 23 Jun 2020.

"Melalui pelan ini, harga yang ditawarkan adalah RM3,183,496.50 berbanding harga asal, RM3,745,290.00 iaitu pengurangan harga jualan sebanyak RM561,793.50 sebagaimana dinyatakan," ujarnya yang juga Pengurus Besar PDC pada sidang media di sini 23 Jun lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Dato' Mohd. Bazid Abd. Kahar (Pengurus Besar PDC) dan Aziz Bakar (Timbalan Pengurus Besar PDC).

Projek SME Village Batu Kawan Fasa 4A yang merangkumi 20 unit kilang berkembar telah dilancarkan pada Disember 2017 yang mana Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (CCC) telah diperoleh pada 24 Januari 2020.

Difahamkan, masih terdapat 15 unit yang masih dibuka untuk jualan mengikut spesifikasi iaitu Semi-D (tepi) merangkumi kawasan binaan seluas 16,047 kaki persegi (kp) dan Semi-D (standard) 13,799 kp.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga merupakan Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi menyatakan bahawa Skim Sewa Beli yang dikhaskan untuk PKS membolehkan pengusaha menyewa unit kilang Semi-D untuk tempoh masa tiga tahun dengan kadar sewa bulanan RM10,500 iaitu RM1.50 sekaki persegi.

"Mereka (penyewa) diberi pilihan untuk membeli premis kilang berkenaan pada harga ditetapkan semasa perjanjian penyewaan ditandatangani.

"Selain itu, sebahagian daripada sewaan yang dibayar dalam tempoh penyewaan berjumlah RM140,000 boleh digunakan sebagai wang deposit semasa pembelian unit seperti butiran berikut:

- i) 50 peratus daripada jumlah sewaan tahun pertama (RM52,500);
- ii) 40 peratus daripada jumlah sewaan tahun kedua (RM50,400);
- iii) 30 peratus daripada jumlah sewaan tahun ketiga (RM37,800).

"Dengan ini, Kerajaan Negeri berharap dan menggalakkan para usahawan PKS supaya merebut peluang kadar istimewa ini untuk memiliki atau menyewa premis-premis ini," seru beliau.

**PINJAMAN PENDIDIKAN
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG
SESI 2020 / 2021**

Permohonan Boleh Dibuat Secara Online mulai
1 JUN hingga 30 OGOS 2020

melalui <http://epp.penang.gov.my>

"Pinjaman Pendidikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang diwujudkan pada tahun 1970 bertujuan untuk memberi pinjaman pendidikan tinggi kepada warganegara Malaysia yang lahir atau menerima sebahagian daripada pelajaran mereka di Pulau Pinang "

Unit Pinjaman Penuntut, Seksyen Kewangan
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
04-6505541 / 5165 / 5391 / 5627 / 5599

Agih lebih sejuta pelitup muka kepada sekolah

Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang sehingga kini telah menyumbangkan sebanyak 1,050,000 pelitup muka dan 206,100 topeng pelindung muka kepada sekolah-sekolah di negeri ini.

Pada 17 Jun lalu, penyerahan sumbangan sebanyak 1,000,000 juta pelitup muka dan 200,000 topeng pelindung muka atau ‘face shield’ telah disempurnakan oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow kepada semua sekolah kerajaan.

Malah, selebihnya pada sidang media tersebut membabitkan sekolah agama rakyat (SAR) dan sekolah menengah persendirian Cina.

Sumbangan kepada SAR disampaikan kepada Penolong Pengarah Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Bokhori Ariffin, manakala Sekolah Menengah Persendirian Cina diwakili oleh Gabungan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Pulau Pinang.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Chong Eng (Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender & Agama Selain Islam); Kho Hai Ming (Penasihat Gabungan Persatuan-Persatuan Lembaga Pengurus Pulau Pinang) dan Chong Soon Kheng (Pengarah Urusan (Pengasas Syarikat) Swift Bridge Technologies (M) Sdn. Bhd..



KETUA Menteri menyampaikan sumbangan pelitup muka kepada Bokhori Ariffin (dua dari kiri) pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

MAINPP sebagai badan pengelola harta tanah wakaf contoh serantau



SITI ZAWIYAH DIN.

SEJAK bulan Februari lepas, **SITI ZAWIYAH DIN**, 56, mengambil keputusan berpindah ke Pangaspuri Wakaf An-Nur berhadapan Masjid Teluk Air Tawar yang dianggap lebih selesa berbanding rumah asalnya di atas tanah Wakaf Abdul Cauder, Jalan Mengkuang, Butterworth.

Pada waktu itu, Siti Zawiyah yang lebih mesra dipanggil ‘Kak Zawiyah’ memberitahu bahawa rumahnya belum ada bekalan elektrik lagi.

Malah, beliau menyatakan bahawa tindakannya menerima tawaran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) untuk mengosongkan premis di tanah wakaf Jalan Mengkuang adalah berbaloi.

“Kak Zawiyah merupakan orang pertama yang berpindah ke sini (Pangaspuri Wakaf An-Nur), dapat-dapat kunci terus berpindah ke sini sejak bulan Februari lagi.

“Waktu itu, bekalan elektrik pun belum ada lagi, siang Kak Zawiyah tinggal di sini, sementara malam pula Kak Zawiyah balik duduk menumpang di rumah anak, sehingga ada bekalan elektrik.

“Alhamdulillah, memang rezeki daripada Allah S.W.T, musim raya semasa dalam tempoh pelaksanaan PKP (Perintah Kawalan Pergerakan sejak 18 Mac 2020) baru-baru ini pun, Kak Zawiyah beraya dengan anak-anak di sini.

“Kak Zawiyah nak terima kasih juga kepada MAINPP kerana ‘menghadiahkan’ rumah wakaf yang begitu selesa ini.

“Selama ini pun, tidak pernah MAINPP mungkir janji (ketika berunding dengan penduduk asal di Jalan Mengkuang), sampai

tak terkurang lima sen pun.

“Apabila sampai masa dan tempoh (MAINPP membayar kos sewa rumah sementara kepada penduduk), enam bulan sekali keluarga Kak Zawiyah dapat RM3,000 (duit sewa rumah sementara di luar Jalan Mengkuang), kiranya setahun MAINPP bagi RM6,000, selain ‘rumah ganti rumah’ di sini.

“Kak Zawiyah sekeluarga memang puas hati dengan tawaran yang MAINPP berikan ini,” jelasnya kepada wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** di Pangaspuri Wakaf An-Nur dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Teluk Air Tawar pada 27 Jun 2020.

Kak Zawiyah merupakan antara 15 penghuni pangaspuri berkaitan yang menyertai Majlis Taklimat Khas Pembangunan Hartanah Wakaf Pulau Pinang dan Majlis Penyampaian Bantuan Musa’adah COVID-19 yang diadakan.

Acara anjuran MAINPP itu turut disertai Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Air Tawar, Mustafa Kamal Ahmad; Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Zulkifli Long yang juga Setiausaha MAINPP; Ketua Pengarah Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR), Ruslan Said dan Pengurus Besar Zakat Pulau Pinang (ZPP), Amran Hazali.

Bagi Kak Zawiyah, MAINPP tidak pernah sama sekali menindas keluarga-keluarga Islam yang asal mendiami tanah wakaf Jalan Mengkuang, sebagaimana didakwa oleh sesetengah pihak tidak bertanggungjawab.

“Nasihat Kak Zawiyah kepada baki 11 keluarga yang enggan berpindah keluar dari (tanah wakaf) Jalan Mengkuang itu, marilah berpindah ke sini (Pangaspuri Wakaf An-Nur), janganlah buat masalah di sana (tanah Wakaf Abdul Cauder, Jalan Mengkuang, Butterworth) dengan nak tuntut wang pampasan yang tidak munasabah.

“Sebenarnya memang MAINPP telah bagi RM4,000 (untuk kos pengosongan premis di Jalan Mengkuang).

“Mari berpindah dan tinggal di sini (Pangaspuri Wakaf An-Nur), memang jauh lebih selesa berbanding rumah asal di Jalan

Mengkuang.

“Rumah baharu di Pangaspuri Wakaf An-Nur ini, Kak Zawiyah duduk percuma, tidak perlu bayar sebarang sewa kerana ini ‘rumah ganti rumah’, hadiah daripada MAINPP,” ulasnya.



NURSYARMILA SALEH.

NURSYARMILA SALEH, 37, merupakan seorang lagi penghuni Pangaspuri Wakaf An-Nur yang sempat ditemuramah oleh Buletin Mutiara.

Beliau merupakan anak kepada Che Som Din, iaitu salah seorang peneroka bandar yang mendiami tanah Wakaf Abdul Cauder dekat Jalan Mengkuang, kemudian, mereka sekeluarga menerima tawaran MAINPP untuk berpindah ke pangaspuri selesa di sini.

Syarmila memberitahu bahawa tindakan ibunya itu menerima tawaran rondingan MAINPP ternyata berbaloi untuk mereka sekeluarga.

“Sebelum ini, kami tinggal di Jalan Mengkuang, kerap menghadapi risiko banjir dan sebagainya, jadi, amat berpuas hati apabila telah berpindah ke sini.

“Saya baru berpindah tidak sampai tiga minggu di sini.

“Selepas (PKP) yang berpunca daripada pandemik COVID-19, baru saya berpindah ke sini (Pangaspuri Wakaf An-Nur).

“Kalau ikutkan, memang dapat (tawaran berpindah ke sini) awal, tapi memandangkan COVID-19, tangguh sekejap hal pindah rumah.

“Saya amat berbangga dan berterima kasih kepada pejabat agama (Islam) sebab menawarkan unit rumah wakaf yang sangat

selesa serta luas untuk keluarga nak datang bertandang.

“Tinggal di sini memang tiada bayaran sebab pejabat agama (Islam) menghadiahkan rumah ini kepada kami sekeluarga,” ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada JHEAIPP dan MAINPP.

Sebelum itu, Ahmad Zakiyuddin berkata bahawa tanah wakaf di hadapan Masjid Teluk Air Tawar boleh dimajukan sebagai Pangaspuri Wakaf An-Nur kerana menerima sokongan dana pembangunan kira-kira RM54 juta daripada JAWHAR (agensi Persekutuan di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, JAKIM).

Daripada sumber dana Persekutuan tersebut, MAINPP dan JHEAIPP berjaya membina pangaspuri selesa, yang terdiri daripada dua blok bangunan atau 152 unit kediaman khusus untuk manfaat orang Islam terpilih sahaja.

Justeru, Ahmad Zakiyuddin yang juga Yang Dipertua MAINPP memberitahu bahawa Kerajaan Negeri berharap Putrajaya melalui JAWHAR dapat menyalurkan lebih banyak dana pembangunan untuk membangunkan manfaat tanah-tanah wakaf sedia ada demi kepentingan umat Islam di negeri ini.

“Kita sedia maklum, Pulau Pinang mempunyai sejumlah tanah wakaf yang tinggi nilainya dan strategik.

“Sebagai sebuah institusi yang dipertanggungjawabkan bagi mengurus harta tanah wakaf, MAINPP berusaha sedaya-upaya untuk mengkaji, merancang serta berusaha mendapatkan peruntukan bagi melaksanakan agenda pembangunan harta wakaf agar dapat dinikmati oleh umat Islam di negeri ini.

“Sinergi pembangunan melalui kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan MAINPP bukanlah sesuatu yang baru. Ianya telah bermula sejak Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) lagi apabila Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan sejumlah peruntukan bagi menjalankan kerja-kerja pembangunan konservasi premis-premis wakaf di kawasan warisan di Pulau Pinang,” jelasnya yang juga ADUN Pinang Tunggal.

Tambah Ahmad Zakiyuddin, sehingga kini, MAINPP sedang menguruskan 1,210 lot tanah wakaf dengan kluasan 1,260 ekar persegi, di samping 273 unit premis kediaman serta 282 unit premis komersial.

Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah harap disenarai dalam RMK-12

PENAGA - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap agar permohonan Kerajaan Negeri bagi projek pembinaan Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah daripada Kerajaan Persekutuan dapat disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Beliau menyifatkan pembinaan galeri tersebut sebagai kemuncak kepada usaha Kerajaan Negeri dan pihak-pihak berkaitan untuk melindungi artifik-artifik serta tapak arkeologi yang menjadi bukti peninggalan sejarah lebih 5000 tahun dahulu.

"Walaupun Kerajaan Negeri sudah banyak kali membuat permohonan untuk mendapatkan peruntukan bagi membina dan menubuh galeri ini, namun ia masih belum ada berita baik."

"Oleh itu, diharapkan permohonan peruntukan untuk projek pembinaan Galeri Warisan Guar Kepah ini dapat dipertimbang serta diluluskan peruntukannya dalam RMK-12."

"Saya berminat teliti permohonan, sekiranya boleh, pihak Kerajaan Negeri akan pertimbangkan untuk memberi peruntukan bagi menubuhkan galeri di Guar Kepah ini kerana nilai sejarahnya adalah amat tinggi bukan sahaja sebagai tarikan pelancongan bahkan lebih daripada itu."

"Nilai sejarah lebih 5000 tahun ini perlu dikenalkan serta dipulihara untuk santapan generasi sekarang lebih-lebih lagi ia telah dimasukkan dalam sukanata mata pelajaran Sejarah Tahun 4," katanya kepada Buletin Mutiara selepas mengadakan lawatan ke Galeri Arkeologi Guar Kepah di sini 9 Julai lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan (PETACH), Yeoh Soon Hin; Ahli Dewan Undangan

Negeri (ADUN) Komtar merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng; Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Timbalan Pengurus Besar Unit Perbadanan Ketua Menteri (CMI), S. Bharathi serta Ahli-Ahli Majlis bagi MBSP.

Dalam pada itu, Ramasamy yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi menjelaskan bahawa pembinaan Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah dijangka menelan kira-kira RM10 juta.

"Ini adalah kebanggaan negeri Pulau Pinang serta penduduk setempat kerana sejarahnya, dan kita berharap agar pihak CMI yang merupakan penjaga kawasan ini serta Pusat Penyelidikan Arkeologi Global USM akan sentiasa bersama untuk



PROF. DATUK DR. MOHTAR SAIDIN.



SPESIMEN "Penang Women" merupakan artifik berharga yang ditempatkan di Galeri Arkeologi Guar Kepah dekat sini.

merealisasikan hasrat ini.

"Kawasan ini bukan hanya satu bahagian sahaja tetapi merangkumi Lembah Bujang iaitu di bahagian utara Pulau Pinang dan juga selatan negeri Kedah," ujarnya.

Mengulas lanjut, Pengarah Pusat Penyelidikan Arkeologi Global Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Datuk Dr. Mokhtar Saidin yang turut serta dalam lawatan itu menjelaskan bahawa kira-kira 500 spesimen sedia untuk dipamerkan apabila galeri tersebut siap, kelak.

"Tapak arkeologi akan menjadi produk pelancongan arkeo yang mana Kerajaan Negeri boleh mengambil faedah berkaitan untuk menggabungkan dengan bukti-bukt

sejarah lain bagi mewujudkan satu produk pelancongan yang baharu di Pulau Pinang.

"Kami di USM akan terus membantu menjalankan ekskavasi dan apa juga yang diperlukan untuk negeri ini," jelasnya.

Difahamkan, tapak arkeologi Guar Kepah pernah dikaji pada tahun 1851 oleh pihak British.

Selain daripada cengkerang serta pelbagai artifik seperti tembikar, porselin, alat batu, tulang dan gigi haiwan turut dijumpai di kawasan berkenaan adalah rangka manusia dikenali "Penang Women" berusia 5710 tahun yang mana ia merupakan rangka Guar Kepah ke-42 yang pernah ditemui oleh pengkaji di negara ini.

Promosi produk agrikultur serta perikanan berkualiti tinggi

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI

Gambar : ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

PULAU BETONG - Kerajaan Negeri akan membantu pada aspek penempatan khususnya pengurusan tanah bagi mempromosikan produk agrikultur dan perikanan berkualiti tinggi di negeri ini.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow bersempena lawatan beliau ke tapak perusahaan tiram SeaHarvest Sdn. Bhd., milik pengusaha, Wong Chin Poh di sini pada 27 Jun lalu.

Hadir sama, Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan (PETACH), Yeoh Soon Hin; Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail; Ahli Parlimen Balik Pulau, Muhammad Bakhtiar Wan Chik dan Pengarah Jabatan Perikanan Pulau Pinang, Noraisyah Abu Bakar.

Menurut Kon Yeow, beliau kagum melihat satu-satunya pusat penetasan tiram komersial dalam negara adalah di Pulau Betong, Balik Pulau.

"Kita perlu mempromosikan produk agrikultur dan perikanan berkualiti tinggi dan Kerajaan Negeri akan membantu pada aspek pengurusan tanah ke arah usaha ini," ulasnya sejurus lawatan berkaitan.

Dalam pada itu, Norlela Ariffin, berharap perusahaan tiram di Balik Pulau dapat diperluaskan di kawasan paya



KETUA MENTERI dan delegasi kepimpinan Kerajaan Negeri memerhatikan kerja-kerja pengasingan anak-anak tiram bersempena lawatan ke tapak perusahaan tiram di sini baru-baru ini.

bakau Penaga, Seberang Perai Utara (SPU).

"Di Penaga ada 471 ekar paya bakau, tidak perlu buat kolam dan ia merupakan persekitaran terbaik untuk membiakkan tiram."

"Kalau Chin Poh boleh tunjuk ajar, kita boleh lihat sama

ada paya bakau di Penaga sesuai untuk penternakan tiram ataupun sebaliknya.

"Kita boleh bawa benih dari sini ke Penaga, dan kalau berjaya ianya bagus untuk tambah pendapatan para nelayan," ujarnya.

Mengulas lanjut, Norlela memberitahu bahawa Pihak Berkusa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) baru-baru ini turut membentangkan projek perusahaan tiram tersebut dalam satu mesyuarat.

"Maknanya projek ini mempunyai kepentingan dan merupakan satu-satunya pusat jaga-jaga di Pulau Pinang serta dalam negara, malah ia turut memperoleh sokongan daripada pihak NCIA serta Kerajaan Negeri."

"Serentak itu, perkara berkaitan turut dibentangkan dalam mesyuarat Exco baru-baru ini untuk pihak Kerajaan Negeri memberi sokongan sepenuhnya terhadap perusahaan berkenaan," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti.

Muhammad Bakhtiar dalam pada itu turut melihat perusahaan tiram berkaitan mampu dikembangkan sebagai pelancongan pembelajaran atau *edutourism*.

"Mungkin ini boleh digerakkan melalui kolaborasi bersama-sama Pusat Kajian Pantai dan Samudera (CEMACS) Universiti Sains Malaysia (USM), dan ia boleh menjadi sebahagian daripada *edutourism* dengan lebih sempurna."

"Secara tidak langsung, ia juga mampu menjadikan Balik Pulau sebagai pusat ekopelancongan dan *edutourism*," katanya.

Adakah anda seorang ahli hijau Pulau Pinang? Nikmati ganjaran menarik apabila anda mengitar semula dengan aplikasi mudah alih Riiicycle

Berita gembira buat semua warga Pulau Pinang! Adakah anda tahu bahawa hanya dengan kitar semula, anda berpeluang untuk memperoleh ganjaran yang menarik?

Penang Green Council kini berkerjasama dengan Riiicycle, sebuah aplikasi mudah alih yang dicipta khas untuk gaya hidup lestari. Aplikasi ini akan memudahkan proses mengitar semula di samping menyediakan sistem ganjaran dan insentif yang canggih apabila anda menghantar barang kitar semula seperti plastik, bekas tin/aluminium dan kertas.

Muat turun dan daftar sekarang menerusi aplikasi *iOS App Store* atau *Android Play Store* untuk mengumpul mata ganjaran *Riiipoints*. Mata ganjaran ini boleh digunakan untuk menebus baucar dan juga ganjaran lain yang menarik dari syarikat yang terlibat. Pengguna baharu layak mendapat 99 mata ganjaran *Riiipoints* setelah mendaftar sementara ahli Warga Hijau Pulau Pinang di bawah program Penang Green Council akan menikmati 100 mata ganjaran tambahan serta merta dengan hanya membuat pengesahan e-kod hijau dan menggunakan alamat emel yang sama. Bukan itu sahaja, 1,000 warga hijau pertama yang mendaftar akan mendapat ganjaran istimewa sebanyak 300 mata ganjaran!

Pengurusan sisa merupakan isu yang penting dalam kehidupan searian kita kerana masih banyak lagi usaha yang perlu dilakukan untuk mencapai visi sisa sifar. Selain daripada menggalakkan semua orang untuk mengurangkan sisa harian mereka, kita juga perlu mencari jalan penyelesaian yang sewajarnya dengan mengumpul dan mengasingkan sampah demi mencipta sesuatu yang baru dan bernilai. Berpandukan Dasar Pengasingan Sisa di Punca di Pulau Pinang, sisa yang terdapat di rumah perlu diasingkan kepada dua saluran utama, iaitu sisa kotor dan sisa kitar semula.

Amalan kitar semula adalah salah satu cara yang berkesan untuk mengurangkan beban jumlah sisa yang terdapat di tapak pelupusan sampah serta dapat mengawal penggunaan sumber semulajadi

yang terhad. Amalan ini sudah menjadi gaya hidup normal baharu untuk semua demi kepentingan alam sekitar pada masa hadapan. Namun begitu, bagaimakah cara untuk mendapatkan manfaat dari amalan ini?

Bagi mendapatkan mata ganjaran *Riiipoints*, anda perlu mengumpul semua barang kitar semula dan menghubungi Riiicycle untuk kutipan di rumah atau menghantar sendiri ke lokasi terpilih dalam waktu tertentu. Selain itu, anda juga boleh meletakkan sisa elektronik di 5 buah stesen pengumpulan oleh syarikat E-llusion. Mata ganjaran *Riiipoints* juga boleh dikumpul apabila anda menyertai kuiz atas talian atau acara tertentu yang dianjurkan.

Antara syarikat yang mengambil bahagian adalah Arabica Estate, Simply Leafy, Jobelle Skin Solution, OWL Bulk Store, Macallum Connoisseurs Coffee, Digi, Celcom, Global Nature, Mikigraphy, Gao Enough Tea, Dr House Home Inspection, LSL Easy Life, Silver Owl Production, Tesco, Thong Thai Fusion, CMYK Interior Design, Xi Meng Ding Taiwan Delight, Kenko Sushi, Recycleable Home Pickup dan beberapa syarikat di New York Park yang akan turut serta tidak lama lagi. Anda juga boleh menderma ke *Shan Children's Home* menggunakan mata ganjaran *Riiipoints* yang terkumpul!

Usah jadikan diri kita penyumbang kepada pencemaran alam sekitar; Dengan perkembangan teknologi mampu mengubah keadaan alam sekitar untuk menjadi lebih baik. Layari laman Facebook Riiicycle di @riicycle atau laman web rasmi, [www.riicycle.com](http://riicycle.com) untuk maklumat lanjut!

Khas buat Warga Hijau Pulau Pinang:

- Pendaftaran: <https://www.riicycle.com/events/pgc2020/>
- Kemas kini alamat emel Warga Hijau Pulau Pinang : https://greencitizen.penang.gov.my/public_check_update.php



Penang
Green Citizen



GET EXTRA RIIPOINTS WHEN YOU
GO GREEN VIA RIIICYCLE MOBILE APP!

REGISTER
NOW!



New Green Citizens are welcome too!

+6 04 250 3322 | info@pgc.com.my | +6 016 517 7382 | www.pgc.com.my



PERBADANAN KETAU MENTERI PULAU PINANG

PERMINTAAN UNTUK CADANGAN (RFP)

Tawaran ini dibuka kepada pembida tempatan untuk menyertai Permintaan untuk Cadangan seperti berikut:-

TAJUK : CADANGAN PEMBANGUNAN SEMULA DAN PENGURUSAN KOMPLEKS BAYU SENJA, BANDAR BATU FERINGGI, DAERAH TIMUR LAUT, PULAU PINANG

TARIKH DIBUKA : 15 JULAI 2020 (RABU)

TARIKH DITUTUP : 15 SEPTEMBER 2020 (SELASA)

1. Dokumen RFP tersebut boleh dimuat turun melalui laman sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang di <http://www.penang.gov.my/> mulai 15 Julai 2020.
2. Cadangan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan 'Cadangan Pembangunan Semula Dan Pengurusan Kompleks Bayu Senja, Bandar Batu Feringghi, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang'.
3. Cadangan hendaklah dihantar kepada Sekretariat, Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI), Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang, Malaysia sebelum atau pada 12.00 tengahari, 15 September 2020.
4. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pejabat CMI di talian 04 – 650 5711 / 04-650 5679 atau emel kepada sitihajarabdulrahim@penang.gov.my.
5. Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.

HOW TO GET REWARDED FOR GOING GREEN?

Riiicycle is a mobile app that gives out rewards when you live a green lifestyle.

Collect Riiipoints now by:



Recycling with
Riiicycle's affiliate
partners



Increasing your
green knowledge by
answering quizzes



Participating in
any of Riiicycle's
green event



Referring a friend
to join Riiicycle's
green initiatives

HOW CAN RIIPOINTS BE USED?

Saving the environment but also save your wallet!

Use your collected Riiipoints to redeem discount or cash vouchers offered by our partnering merchants.



Pusat Transit Gelandangan bakal beroperasi 2022

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB
Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang akan terus melaksanakan program-program kebajikan rakyat sungguhpun gabungan parti politik itu bukan lagi menguasai tumpuk kuasa Kerajaan Persekutuan.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pentadbirannya akan membayai kira-kira RM4.4 juta projek pembinaan pusat transit gelandangan di atas sebidang tanah milik Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), dengan keluasan 1,347 meter persegi demi meningkatkan daya huni penduduk bandar raya termasuk golongan terpilih berkenaan.

Beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi berkata bahawa projek perkongsian awam-swasta (PPP) tersebut dijangka siap pada bulan Ogos tahun hadapan dan bakal mula beroperasi pada Januari 2022.

"Inisiatif ini menunjukkan bahawa kita (Kerajaan Negeri) tetap



ILUSTRASI Pusat Transit Gelandangan yang dijangka siap pada tahun hadapan.



komited serta berbesar hati untuk meneruskan kerja bagi membantu masyarakat yang terpinggir.

"Ini menunjukkan kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) boleh menginspirasikan negara kita," katanya ketika merasmikan Majlis Pecah Tanah Pusat Transit Gelandangan No.19 Jalan C. Y. Choy di sini pada 7 Mac 2020.

Turut berucap, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo

dan Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Teh Lai Heng; ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong; ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang; Senator Lim Hui Ying dan Setiausaha Bandaraya, Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa pelaksanaan projek terbaru tersebut adalah demi merealisasikan Visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

"Cadangan pembinaan Pusat Transit Gelandangan ini adalah bertepatan dengan salah satu tema utama Visi (Penang2030) iaitu meningkatkan taraf serta kualiti hidup penduduk,

mengembangkan saiz ekonomi, meningkatkan pendapatan isi rumah demi memperkasa rakyat," ujarnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Dalam pada itu, Kon Yeow turut merakamkan penghargaan kepada Boon Poh yang mengemukakan cadangan mewujudkan Pusat Transit Gelandangan melalui program Empowering The Streets Citizens yang dilaksanakan pada tahun 2016.

MAIWP, Fargoes infak buku latihan KAFA sempena PKPP

GEORGE TOWN – Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bersama-sama syarikat 100 peratus milikan Bumiputera, Penerbitan Fargoes Sdn. Bhd. (Fargoes) menyerahkan sumbangan infak berbentuk 10,000 naskah buku latihan Kelas Al-Quran dan Fardu 'Ain (KAFA) bernilai RM60,000 kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) di sini.

Sumbangan berkaitan, menurut Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Yang Dipertua MAINPP adalah untuk kegunaan pelajar prasekolah, Tahun 1 hingga 6 di rumah masing-masing sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP).

Beliau sendiri yang menerima sumbangan tersebut daripada Pengurus MAIWP, Datuk Seri Syed Hussien Abd. Kadir dengan diiringi Pengarah Urusan (Fargoes), Ershad Ahmed.

Turut menyaksikan penyerahan itu, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP), Ustaz Rosli Othman dan Pengarah Urusan Fateh Resources Holdings Sdn. Bhd. iaitu syarikat pengedar tunggal buku KAFA bagi pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Rosli Omar.

"Pada pagi Jumaat ini (17 Julai 2020), kita dapat melaksanakan satu program yang baik iaitu infak buku, suatu program yang dimuliakan serta

cukup tinggi amalan ini dalam agama (Islam) kita.

"Saya sangat berbesar hati untuk mengumumkan program infak buku ini (umpama) kecil tapak tangan, nyiru kami tадahkan.

"Selepas ini, (MAIWP dan Fargoes) ingin menyampaikan infak atau lain-lain adalah untuk kebaikan ummah, insyaAllah kami (MAINPP) mengalu-alukan," ucapnya pada Majlis Penyerahan Buku Infaq Sempena Musim COVID-19 dekat Pejabat MAINPP di sini 17 Julai 2020.

Sebelum itu, Rosli memberitahu bahwa Fargoes yang lebih 40 tahun terlibat dalam industri pencetakan buku menzahirkan penghargaan kerana diberi peluang untuk terlibat bersama-sama MAIWP dalam menjayakan Program Buku Infaq Sempena COVID-19 berkaitan.

"Fargoes mendapat sijil cetak (buku) daripada JAKIM sendiri, tanpa sijil kebenaran daripada JAKIM, tidak boleh cetak buku latihan KAFA tersebut.

"Dalam buku latihan KAFA ini, walaupun

di bawah projek infak buku, memang ada elemen manarik seperti warna-warni dan banyak gambar, supaya menarik untuk anak-anak kita belajar membuat latihan dari rumah ketika COVID-19 ini.

"Program Infak Buku Sempena COVID-19 ini, kalau boleh kita ingin buat bukan sahaja di

Pulau Pinang yang mempunyai kira-kira lebih 30,000 murid yang menyertai KAFA, malah ke negeri-negeri lain di seluruh Malaysia," ujarnya sambil merakamkan penghargaan kepada Pejabat Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang kerana menyusun acara penuh bermakna tersebut.

Penjual di pasar, jaga keselamatan pelanggan dengan mencuci dan sanitasi semua permukaan yang digunakan untuk penyediaan makanan dan sentiasa mengamalkan mencuci tangan dengan bersih



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (tengah) menerima sumbangan daripada Syed Hussien Abd. Kadir (dua dari kanan) pada Majlis Penyerahan Buku Infaq Sempena Musim COVID-19 di sini baru-baru ini.

Oleh : SUNARTI YUSOFF
Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

PESTA Padi Antarabangsa Pulau Pinang (PPAPP) yang mencetuskan fenomena baru di Kampung Terus dekat Penanti mencapai kejayaan tersendiri apabila memenangi *Anugerah Malaysia Landscape Architecture Award (MLAA) 2019*.

Majlis penyampaian anugerah tersebut sepatutnya dijadualkan berlangsung pada 14 Ogos 2020 di George Town yang akan dihoskan sendiri oleh Institut Landskap Arkitek Malaysia (ILAM).

Dianjurkan oleh Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penanti dengan kerjasama Pejabat Parlimen Permatang Pauh, PPAPP diadakan untuk kali kedua pada Ogos tahun lepas selepas kejayaan penganjuran pertama pada 2018.

PPAPP yang berjaya menarik ribuan pengunjung itu dianjurkan dengan matlamat untuk memelihara serta mempromosikan kawasan sawah padi seluas 1.015 ekar dan merupakan jelapang padi tertua di Seberang Perai sejak tahun 1800 dahulu.

Bukan itu sahaja, penganjuran pesta tersebut juga dilihat memberi impak positif yang dapat menyokong petani tempatan dalam usaha memelihara jelapang padi sebagai jaminan keselamatan makanan selain menjadi salah satu daya tarikan pelancong bagi negeri Pulau Pinang.

Salah satu elemen unik dalam penganjuran PPAPP adalah pameran sekurang-kurangnya 15 replika buatan tangan diperbuat daripada jerami padi dengan pelbagai bentuk menarik seperti kerbau, orang-orang, burung dan sebagainya yang dihasilkan sepenuhnya oleh penduduk Kampung Terus.

Aktiviti menarik lain termasuk pertandingan menangkap ikan dalam bendang, bola sepak bendang, permainan tradisional, pertandingan masakan, persembahan kebudayaan, jualan makanan dan minuman serta banyak lagi.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin merupakan individu penting dalam kejayaan penganjuran PPAPP.

Bercakap kepada Buletin Mutiara, Norlela yang juga ADUN Penanti berkata bahawa beliau tidak menjangkakan kemenangan tersebut kerana persaingan yang sengit membabitkan lebih 100 penyertaan daripada agensi kerajaan lain di seluruh negara.

“Saya hantar penyertaan bagi PPAPP tahun lalu dan menerima surat daripada Institut Landskap Arkitek Malaysia (ILAM) pada 2 Mac lalu yang memaklumkan mengenai perkara (kemenangan) ini, pada mulanya saya tidak percaya... rasa seperti mimpi jadi kenyataan.

“Saya benar-benar bersyukur tetapi penghargaan sebenar perlu diberikan kepada penduduk kampung di Kampung Terus yang menunjukkan usaha terbaik dalam menjayakan pesta ini.

“Mereka menunjukkan komitmen tinggi dalam menjayakan penganjuran PPAPP sebagai platform untuk mempromosikan Kampung Terus. Sebagai wakil rakyat bagi kawasan ini, saya sangat berbangga dengan semua usaha mereka,” katanya ketika ditemui di Bayan Lepas



DR. Norlela Ariffin (depan sekalii) bersama-sama Ketua Menteri dan barisan jemputan memeriahkan penganjuran Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang pada 17 Ogos 2019.

Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang rangkul anugerah MLAA 2019

baru-baru ini.

Dalam pada itu, Norlela berharap agar dapat mewujudkan lebih banyak tarikan di Kampung Terus termasuk rancangan terbaru untuk membina rumah rakit yang menyerupai rumah rakit di Kerala, India bagi meningkatkan ekopelancongan di kawasan tersebut.

“Idea ini muncul selepas saya berkunjung ke Kerala di selatan India pada 2016 yang mana kawasan Alleppey telah mengingatkan saya kepada Sungai Terus, yang mengairi sawah padi di sekitarnya.

“Alleppey dan Kampung Terus hampir sama. Ada sawah padi yang menghijau, pokok kelapa serta kewujudan perkampungan nelayan di sepanjang tasik serta lain-lain tarikan semulajadi.

“Saya fikir ini akan menjadi usaha yang baik untuk penduduk kampung memperoleh manfaat melalui peningkatan ekopelancongan dan pada masa sama, memperkasa kaum wanita,” katanya.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan bahawa rancangan awal adalah untuk membina enam rumah rakit yang mana sekurang-kurangnya tiga (rumah rakit) dirancang akan dibina pada tahun ini.

“Kita mahu mempunyai rumah rakit yang kelihatan tradisional dari luar tetapi lengkap dengan ruang penginapan seperti mempunyai bilik tidur, dapur, tandas dan

sebagainya.

“Sudah tentu, kosnya bukan murah dan dianggarkan sekitar RM2 juta setiap satu.

“Oleh itu, saya telah meminta bantuan daripada Kerajaan Negeri selain mananya pelabur swasta yang berminat adalah dialu-alukan untuk menjalankan usahasama dengan persatuan koperasi penduduk kampung untuk membangunkan projek ini,” tambahnya.

Difahamkan, MLAA pada tahun ini dianjurkan serentak dengan Sidang Kemuncak Persekutuan Arkitek Lanskap Antarabangsa (IFLA) 2020.

MLAA yang memasuki edisi ke-12 pada tahun ini adalah bertujuan untuk memberi inspirasi kepada pereka dan pelaksanaan reka bentuk baru dalam



SEBAHAGIAN aktiviti menarik yang diadakan.

70 peratus unit PPR Permatang Tok Subuh telah diisi

GEORGE TOWN — Sebanyak 157 daripada 231 unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) Permatang Tok Subuh telah berjaya diisi.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa proses pemilihan untuk baki selebihnya juga telah selesai dilakukan dan diserahkan kepada Jabatan Perumahan Negara bagi tujuan penawaran.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas teguran Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2018 berhubung kelewatan dalam penyerahan dan pengisian bagi lapan skim perumahan rakyat membabitkan lima negeri termasuk satu projek di Pulau Pinang iaitu PPR Permatang Tok Subuh.

“Di Pulau Pinang, daripada laporan itu, saya dapatkan ada satu projek iaitu PPR Permatang Tok

Subuh yang berpuncak daripada kelewatan penyerahan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri.

“PPR Permatang Tok Subuh sepatutnya diserahkan kepada Kerajaan Negeri pada Februari 2015 tetapi tertangguh selama hampir tiga tahun dan proses itu hanya selesai pada 21 Disember tahun lepas.

“Setelah itu, kita bekerjasama dengan Kerajaan Pusat untuk membuat pengisian yang mana sehingga kini kita telah berjaya mengisi 70 peratus daripada keseluruhan 231 unit, manakala bakinya telah dikemukakan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk pengesahan,” jelasnya pada sidang media di sini 17 Julai lalu.

Turut serta, Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Perumahan) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, ‘Ainul Fadhilah Samsudi dan

Penolong Setiausaha Kanan Seksyen Pengurusan Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Mohd. Fauzy Mohd. Yusoff.

Dalam pada itu, Jagdeep menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri akan terus memastikan semua skim perumahan awam termasuk PPR serta skim-skim perumahan di bawah pengurusan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

“Sejak 2008 Kerajaan Negeri membelanjakan RM191,532,149.56 untuk pengurusan dan penyelenggaraan bagi 47 skim perumahan awam melibatkan 14,867 unit serta empat PPR (999 unit).

“Selain itu, kita juga membelanjakan RM58,809,846.99 untuk penyelenggaraan perumahan swasta yang layak serta perumahan di bawah seliaan pihak berkuasa tempatan

(PBT) yang membawa jumlah keseluruhan sehingga kini adalah RM250,341,996.55.

“Kerajaan Negeri juga memperkenalkan Skim Sewa Beli (RTO) dalam usaha membantu pemilikan rumah pertama yang mana setakat ini sejumlah 2,474 unit telah dikenal pasti bagi tujuan itu,” katanya.

Dalam isu berasingan, Jagdeep menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih bersedia untuk mengadakan pilihan raya kerajaan tempatan.

“Saya percaya ahli-ahli parlimen daripada Pakatan Harapan (PH) juga telah menyatakan pendirian sebegini dan kita sedang menunggu langkah seterusnya yang boleh diambil oleh menteri berkaitan.

“(Dan) kita mengalu-alukan apa juga langkah yang akan diambil bagi menangani isu ini,” ujarnya.

'Upcycle' perca kain ke arah Seberang Perai Bandar Raya Rendah Karbon

Gambar : J. PATMAVATHY

SEBERANG JAYA - Perca kain yang disumbangkan oleh industri South Island Garment Sdn. Bhd. akan dikitar semula serta dijahit menjadi barang 'upcycle' yang mempunyai nilai guna baharu seperti beg tangan dan sebagainya.

Mengulas lanjut, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu bahawa projek terbaru tersebut akan meletakkan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan selangkah lagi ke depan dalam usaha menjadikan Seberang Perai sebagai Bandar Raya Rendah Karbon pada tahun 2022; Bandar Raya 'Carbon Neutral' pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan Bandar Raya 'Zero Carbon' (sifar karbon) pada tahun 2050.

"Bagi merealisasikan Visi Penang2030: Negeri Pintar dan



PRODUK-produk yang dihasilkan daripada perca kain yang disumbangkan.

Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memberi tumpuan kepada 'circular economy' iaitu kita (penduduk Seberang Perai) mengurangkan penjanaan sisa sampah dan bahan-bahan buangan lain, serta memperbanyak penggunaan semula sumber-sumber sedia ada (seperti inisiatif 'upcycle' daripada perca kain) untuk digunakan semula dalam aktiviti ekonomi rakyat.

"Selepas kita berjaya mewujudkan Upcycle Park MBSP iaitu taman berkonsep 'upcycle' pertama negara; kemudian diperluas lagi pada program 'Kampung Upcycle', kini, kita (MBSP) melangkah selangkah lagi ke hadapan," ujarnya dalam Majlis Penyerahan Perca Kain Oleh South Island Garment Sdn. Bhd. dekat Menara Bandaraya MBSP di sini pada 27 Jun 2020.

Turut serta, Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmood, barisan Ahli

SR. Rozali Mohamud (lima dari kiri) mendapatkan penjelasan daripada Lim Eng Chuan (enam dari kiri) berhubung perca kain yang disumbangkan sejurus majlis penyerahannya di sini baru-baru ini.



Majlis PBT lain dan Pengurus Besar South Island Garment Sdn. Bhd., Lim Eng Chuan.

Menurut Rozali, sejak tahun 2016, pihak South Island Garment Sdn. Bhd. merupakan antara 'rakan strategik' MBSP dalam kerja-kerja memelihara serta memulihara alam sekitar di kawasan pentadbiran Seberang Perai.

"Mereka (South Island Garment Sdn. Bhd.) mula melibatkan diri dalam usaha

rawatan air sungai menggunakan bebola tanah (RM Mudballs), aktiviti kitar semula serta menyertai program sisa sifar dengan mengumpul sisa makanan untuk dihantar ke Pasar Bagan Ajam untuk tujuan pengkomposan.

"South Island Garment Sdn. Bhd. juga terlibat dalam penganjuran dan penajaan Pertandingan Halaman Rumah Bersih dan Indah di Permatang Nibong," ulasnya lagi.

Naik taraf kolam takungan bakal manfaat 200 penduduk

BATU LANCANG - Projek menaik taraf kolam takungan air dekat Solok Van Praagh yang dijadualkan siap pada akhir tahun ini adalah bagi mengurangkan masalah banjir kilat yang kerap melanda kawasan berkaitan.

Projek bernilai RM378,000 itu dimulakan pada 28 Januari tahun ini dan pada awalnya dijangka siap pada Julai 2020, namun berdepan kelewatan ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong berkata bahawa kira-kira 200 penduduk dari 50 rumah di sekitar kawasan berkenaan akan mendapat manfaat daripada projek itu.

"Ramai daripada mereka menderita



KERJA-kerja menaik taraf sedang berjalan.



ONG Ah Teong (kiri sekali) dan pihak-pihak terlibat sedang meneliti pelan bagi projek menaik taraf sistem takungan Solok Van Praagh bersempena lawatan di sini baru-baru ini.

mengatasi masalah ini.

"Ini kerana air hujan akan bertakung di parit besar tersebut dan apabila penuh ia akan masuk terus ke dalam kolam takungan," ujarnya kepada Buletin Mutiara pada sidang akbar selepas melakukan tinjauan ke kawasan tersebut di sini pada

2 Julai lalu.

Tambah Ah Teong, kerja-kerja menaik taraf kolam takungan kini telah disambung semula selepas terhenti seketika.

"Pihak kontraktor juga akan menurap semula jalan-jalan di sini sebaik kerja-kerja pembinaan selesai kelak," ulasnya.

Ketika berbelanja di pasar, pastikan tangan anda bersih dan menjaga jarak sosial (sekurang-kurangnya 1 meter) daripada orang lain



BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN



JOM! Experience Penang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
 Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

GEORGE TOWN - Penularan pandemik COVID-19 telah memberi impak yang ketara terhadap semua sektor terutama sektor pelancongan di negeri ini.

Exco Pelancongan, Seni, Budaya dan Warisan Negeri Pulau Pinang, Yeoh Soon Hin berkata bahawa sektor pelancongan antara sektor yang paling teruk terkesan sehingga timbul kesukaran bagi sesetengah perniagaan untuk beroperasi.

"Maka, di bawah Pelan Tindakan Pemuliharan Pelancongan Pulau Pinang 2020, kita melancarkan JOM! Experience Penang yang menyasarkan pasaran domestik."

"(Dan) hari ini, dengan kerjasama Penang Global Tourism (PGT) dan Persatuan Pelancongan Cina Malaysia (MCTA) melancarkan 'Best Tour Packages' yang menawarkan 23 pakej pelancongan menarik di Pulau Pinang," ucapnya pada majlis pelancaran JOM! Experience Penang: Best Tour Packages di sini 13 Julai lalu.



YEOH Soon Hin.

Mengulas mengenai 'Best Tour Packages', Soon Hin yakin bahawa pakej pelancongan terbaru itu dapat menambah pendapatan negeri sekaligus memberi manfaat terhadap industri perhotelan, tempat tarikan pelancongan, premis makanan, pengendalian dan agensi pelancongan serta pengangkutan untuk beroperasi semula.

"Sejak Perintah Kawalan Pergerakan Pemuliharan (PKPP) dikuatkuasakan, ia memberi sedikit kelonggaran, tambahan pula keinginan untuk melancong juga meningkat dalam kalangan pelancong domestik terutama ketika cuti hujung minggu."

"Bagi memastikan pelancong domestik menikmati percutian yang menarik, Kerajaan Negeri dengan kerjasama PGT dan MCTA bersetuju menawarkan pakej pelancongan istimewa ini."

"Melalui 'Best Tour Packages' ini, kita (Kerajaan Negeri) menyasarkan kemasukan sehingga 6,000 pelancong tempatan dengan jangkaan sebanyak RM1.54 juta pendapatan dijana sehingga Oktober 2020 termasuk pulangan pelaburan yang dijangka mencapai 1.23 juta," jelasnya yang turut mempromosikan pakej ini melalui media sosial ke seluruh Semenanjung termasuk Sabah dan Sarawak.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif PGT, Ooi Chok Yan ketika membentangkan kandungan pakej tersebut memaklumkan bahawa pada 29 Jun lalu, pihaknya telah melancarkan dua tawaran pelancongan istimewa iaitu 'Best Hotel Deals' dan 'Best Attractions Deals'.

"Pihak kami juga menawarkan pakej istimewa untuk barisan hadapan sebagai tanda penghargaan dalam memerangi krisis kesihatan dan memastikan Pulau Pinang kekal sebagai zon hijau sehingga kini."

"Bagi 'Best Tour Packages' ini pula, terdapat

23 pakej menarik dengan harga serendah RM15 seorang termasuk pelbagai pilihan pakej sama ada pakej sehari, dua hari satu malam atau tiga hari dua malam dengan harga terendah.

"Memandangkan pakej ini memberi tumpuan kepada pelancong domestik, warga Pulau Pinang tidak seharusnya melepaskan peluang keemasan ini yang mungkin hanya ditawarkan sekali seumur hidup."

"Jadi ayuh, ambil peluang dan JOM! Experience Penang," serunya yang turut menyeru keyakinan terhadap inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam membantu memulihkan semula sektor pelancongan negeri.

Dalam pada itu, Pengurus MCTA Cawangan Pulau Pinang, Andy Chuah ketika ditemui memberitahu bahawa pihaknya yakin dan menyokong sepenuhnya Pelan Tindakan Pemuliharan Pelancongan Pulau Pinang 2020 dalam memulihkan semula sektor tersebut.

"Kempen-kempen (promosi pelancongan) yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bukan sahaja menarik dan mampu menggantikan pelancong ke Pulau Pinang bahkan juga dijangka memberi pulangan pendapatan sehingga RM10 juta melalui pengoperasian semula pelbagai sektor lain."

"Pakej pelancongan 'Best Tour Packages' ini akan berlangsung sehingga 31 Oktober 2020, jadi ambillah peluang, segera membuat tempahan dan selamat bercuti," zahirnya yang turut memuji inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini.

Turut hadir, Presiden MCTA Malaysia, Datuk Albert Tan.

Maklumat lanjut mengenai pakej pelancongan menarik ini, sila layari laman sesawang penangtraveldeals.com.

Jom, nikmati Pulau Pinang!



Tempat wuduk Masjid At-Taqwa dinaik taraf

SERI DELIMA - Jemaah Masjid At-Taqwa Taman Brown, Taman Sardon kini boleh berwuduk dengan selesa selepas kawasan tersebut dinaik taraf kepada berbumbung.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid memberitahu bahawa kerja-kerja menaik taraf tersebut adalah melibatkan kos RM25,662.

"Saya melihat bumbung di tempat wuduk ini merupakan satu kepentingan yang utama, jadi

kita segera salur peruntukan untuk kerja-kerja tersebut."

"Bagi permohonan lain, saya akan teliti lagi mengikut keperluan dan kepentingan bersama dengan Ahli Parlimen (Ramkarpal Singh)," katanya bersempena lawatan ke sini pada 6 Julai lalu.

Hadir sama, Penghulu bagi kawasan Parlimen Bukit Gelugor, Nasrizal Nasib dan Pengurus Kariah Masjid At-Taqwa Taman Brown Taman Tun Sardon, Syed Baba Syed Peer.

Syerleena berkata, antara peruntukan lain yang akan dipertimbangkan termasuk pemasangan pendingin hawa dan parkir berbumbung.

"Sempena perayaan Aidiladha yang bakal menjelang, adalah diharapkan bumbung ini boleh bagi lebih kesesuaian untuk aktiviti berkenaan kelak," jelasnya.

Difahamkan, projek berkenaan mengambil



KEADAAN berbumbung di tempat wuduk yang bakal memberi keselesaan kepada jemaah Masjid At-Taqwa Taman Brown di sini.

masa selama enam minggu untuk disiapkan bermula 19 Mei lalu.

Dalam pada itu, Syed Baba merakamkan ucapan terima kasih kepada Syerleena kerana merealisasikan permohonan anak kariah masjid tersebut untuk menikmati suasana lebih selesa.



SYERLEENA Abdul Rashid.

Sisa plastik peluang jana pendapatan

SEBERANG JAYA - Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud memberitahu bahawa antara ancaman penduduk dunia kini adalah isu penjanaan sisa plastik secara berlebihan kira-kira 300 juta tan dalam setahun.

Jelas beliau lanjut, dengan 50 peratus daripadanya adalah jenis plastik sekali guna, sementara, 8 juta tan daripada keseluruhan lambakan sisa tersebut berakhiran hanyut ke sungai dan laut.

Rozali memberitahu bahawa kajian dalam peringkat pihak berkuasa tempatan (PBT) pula mendapat bahawa 14 peratus sisa yang dipungut di Seberang Perai adalah jenis sisa plastik dan 30 peratus sahaja sisa plastik tersebut berjaya dikitar semula.

"Kita (MBSP) tidak tahu ke mana perginya baki 70 peratus sisa plastik ini, tetapi apabila kita buat gotong royong mengutip sampah di pantai, 70 peratus sisa sampah adalah plastik sekali guna iaitu dalam bentuk botol, penyedut minuman, plastik dan sebagainya."

"Kalau dahulu kita lihat (penjanaan sisa plastik) sebagai ancaman (pada kelestarian alam sekitar), hari ini kita kena melihatnya sebagai peluang untuk menjana pendapatan (isi rumah) keluarga di desa dan di kota."

"Penduduk Seberang Perai mestи rebut 'peluang' dalam ekonomi sirkular (*circular economy*) ini sekarang setelah semua pihak begitu terkesan dengan pandemik COVID-19 daripada sudut ekonomi sebelum ini."

"Berbanding ekonomi linear (berkonsepkan 'ambil, buat dan jual', dalam ekonomi sirkular pula, sisa plastik dianggap sumber bernilai yang akan dikitar semula serta diguna semula sebagai bahan mentah ataupun produk baharu," ujarnya selepas merasmikan Majlis Pelancaran Anugerah Komuniti Hijau 2020 di sini 4 Julai 2020.

Turut berucap, Pengurus Kumpulan Amphenol TCS (Malaysia) Sdn. Bhd., Datuk Lee Teong Li selaku penaja bersama program tahunan PBT tersebut.

Setiausaha Bandaraya, Ir. Rosnani Mahmud dan beberapa Ahli Majlis bagi PBT berkenaan turut serta acara tersebut.

Hampir 40 pemegang taruh turut serta acara tersebut dalam jarak 1 meter (m) antara satu sama lain, lengkap dengan memakai pelitup muka.

Pada 21 Jun lepas, Rozali saling berkolaborasi dengan ejen pelaksana Syarikat Al-Ansar Integrated Sdn. Bhd. dengan melancarkan aktiviti pengumpulan sisa organik seperti sayur-sayuran serta buah-buahan rosak di Pasar Awam Kepala Batas untuk dijadikan makanan larva lalat baka 'Black Soldier Fly'.

Sambil menyifatkan program tersebut sebagai ekonomi sirkular, beliau memberitahu bahawa larva tersebut kemudiannya akan dikitaran semula menjadi makanan ternakan seperti ayam, ikan dan sebagainya; sementara, sisa baki lain akan dijadikan bahan organik untuk aktiviti pertanian.



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang

Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627

Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesahkan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 11852 : FATIN BINTI MD. ZAIN - 93090807**** 8-G-2 KOMPLEKS KEDIAMAN PENDIDIKAN TERATAI, BUKIT COOMBE, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11854 : MOHAMAD AIMAN BIN IDRIS - 92051707**** 1-G-1 LEBUH NIPAH 2, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11862 : RAIHAN SUHAILA BT SHAHIMI - 90011014**** 1150E-15-11, SAUJANA HEIGHT, JALAN TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11863 : MOHAMAD KAMIL BIN RAHAMATTULAH - 93091607**** NO. 2350, LENGKOK SUNGAI GELUGOR 2, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1	: MD ZAIN BIN BAHTIN - 61010907**** 8-G-2 KOMPLEKS KEDIAMAN PENDIDIKAN TERATAI, BUKIT COOMBE, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 1	: NORJALILAH BINTI NOOR - 62040607**** 7-G-4 PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BATU MAUNG, PULAU PINANG	Penjamin 1	: SHAHIMI BIN ALI - 60052207**** 1150E-15-11 SAUJANA HEIGHTS, JALAN TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: RAHAMATTULAH BIN ALLA PITCHAY - 62022507**** NO.2350 LENGKOK SUNGAI GELUGOR 2, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2	: YUSOFF BIN ISMAIL - 59090510**** 7-G-1 KOMPLEKS KEDIAMAN PENDIDIKAN TERATAI, BUKIT COOMBE, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 2	: AZIZOL BIN IDRIS - 84093007**** 1-G-1 LEBUH NIPAH 2, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: ABD RAHMAN BIN ALI - 64021507**** 255-A MUKIM J, KAMPUNG TERANG 11000 BALIK PULAU , PULAU PINANG	Penjamin 2	: NOORULAMIN BIN ABDUL RAHMAN - 76102607**** 2137 TINGKAT SUNGAI GELUGOR 7, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11867 : NUR HIDAYAH BINTI ABDUL HALIM - 89080635**** 116 U TELEKOM QRTS, JALAN SUNGAI PINANG 10150 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11869 : MUHAMMAD HAFIZ BIN SHAHIMI - 92121514**** 1150E-15-11 SAUJANA HEIGHT, JALAN TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11871 : THARCHYANEE A/P MANIAM - 84100307**** NO. 6E , JALAN GUNARATANA 10460 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11879 : MOHD HAZRAT BIN ISMAIL - 85113006**** BAH. KEWANGAN MARA, TINGKAT 14 & 15, IBU PEJABAT MARA 50609 JALAN RAJA LAUT, KUALA LUMPUR
Penjamin 1	: AHMAD BIN HASSAN - 63041107**** 3-07-15 ARA GREENS, HALAMAN SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MOHD AMINUDDIN BIN SHAHIMI - 85123007**** 1150E-15-11 SAUJANA HEIGHTS, JALAN TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG	Penjamin 1	: KATHIRAVELI A/L SEENIVASEN - 6811207**** 152-I TINGKAT LEMBAH RIA 1, MK 13, AIR ITAM 11500 PULAU PINANG	Penjamin 1	: NUR HAZLIZA BINTI ISMAIL - 83041306**** 3-11-05 BL GARDEN, SOLOK THEAN TEIK, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2	: MAZNAH BINTI PAWANCHIK - 59120107**** NO.259 JALAN PERAK 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 2	: ZULKIFLI BIN MAT - 63032907**** NO.1251 MUKIM 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR 11920 PULAU PINANG	Penjamin 2	: KAMALADEVI A/P GOVINDAN - 59051807**** NO.94 JALAN AYER ITAM 10460 PULAU PINANG	Penjamin 2	: MOHAMAD RASYIDI BIN GHAZALI - 84032602**** NO. 6 LORONG RUPAWAN 4, TAMAN RUPAWAN 13200 KEPALA BATAS, SPU
No Akaun Peminjam	: 11883 : FADHILAH BINTI TALLIB - 93090907**** NO. 262 LAHAR KEPAR 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 11885 : SALWANI BINTI SALIM - 75121207**** NO. 1012 KAMPUNG BAGAN NYIOR, JURU 14100 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11887 : AMIRA ZAWANI BINTI ZULKIFLI - 93050307**** NO.30 JALAN TAMAN PERMAI JAYA 2, TAMAN PERMAI JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11894 : NUR DINIE BINTI ABDUL JALIL - 89071807**** 279-3-2 TAMPIN COURT, JALAN PERAK 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1	: TALLIB BIN YAHAYA - 59033107**** NO. 262 LAHAR KEPAR 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: ABDUL GANI BIN AHMAD - 76011907**** NO.6206 PAYA KELADI HUJUNG 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: ZULKIFLI BIN ISMAIL - 71112807**** NO.30 JALAN TAMAN PERMAI JAYA 2, TAMAN PERMAI JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: ABDUL JALIL BIN ABDULLAH - 63082402**** NO.301 TAMAN SRI DERGA FASA 2, JALAN DATO KUMBAR 05300 ALOR SETAR, KEDAH
Penjamin 2	: MOHD LUTFI BIN TALLIB - 86092335**** NO. 262 LAHAR KEPAR 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: SALLINDA BINTI SALIM - 86031135**** NO.1012 MUKIM 12, BAGAN NYIOR, JURU 14100 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: KAMAL BIN SAMAH - T1076*** 8320 MENGKUANG MAK SULONG, KUBANG SEMANG 14400 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: SITI HALWANI BINTI ABDUL HALIM - 89032102**** NO.482 LORONG GAMELAN 2/2, TAMAN RIA JAYA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
No Akaun Peminjam	: 11899 : SARIZANA BINTI HASSAN - 85092507**** NO. 35 LORONG SUTERA PRIMA 6, TAMAN SUTERA PRIMA 13700 SEBERANG JAYA	No Akaun Peminjam	: 11914 : NUR NASLIZA ARINA BINTI MOHAMAD NASIR - 87073007**** NO. 76 MUKIM 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11917 : NORSHAKIRAH BINTI AB MANAP - 91060407**** A-11-10 VISTA PRIMA, BANDAR BUKIT PUCHONG 47100 PUCHONG, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 11919 : DARSHINI A/P BALU - 88050607**** 11-7-3 HALAMAN CENDANA , PESIRAN MAYANG PASIR 8, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1	: MOHD FADZLI BIN ROSLI - 82030507**** NO.35 LORONG SUTERA PRIMA 6, TAMAN SUTERA PRIMA 13700 PERAI	Penjamin 1	: ROSLINA BINTI MD HUSSAIN - 66100507**** NO.76 MUKIM 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG	Penjamin 1	: RUAZANI BIN AHMAD - 61070809**** NO.41A JALAN PALMA 2, TAMAN PALMA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH	Penjamin 1	: BALU A/L PSHATTAN - 58060907**** 11-7-3 HALAMAN CENDANA, PESIRAN MAYANG PASIR, BUKIT GEDUNG, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2	: AHMAD SUHAIMI BIN ZAINUDIN - 86101802**** NO. 159 HDPN SEK. KEB. TEBENGAU, JALAN YAN, KUALA KEDAH 06600 KEDAH	Penjamin 2	: ROSLINA BINTI IBRAHIM - 84022207**** NO.240 MK 9, KAMPUNG PAYA, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG	Penjamin 2	: ZANARIAH BINTI ABD RAHMAN - 74030508**** NO.589 JALAN TITI TIMBOL, KAMPUNG HAJI OMAR 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 2	: KANTHINI A/P BALU - 86070535**** 11-7-3 HALAMAN CENDANA, PESIRAN MAYANG PASIR 8, BUKIT GEDUNG, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11922 : ANTHONY ANDREAS BREHME A/L SUBRAMANIAM - 92081507**** BA 4-3 SPRINGFIELD CONDOMINIUM, LORONG KENARI, SUNGAI ARA 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11923 : EZZAH HAZWANI BINTI ELIAS - 92100807**** NO.257 A MUKIM B, SUNGAI RUSA 11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11926 : NURSYASYA AFINA BINTI SUHAIMI - 94121107**** NO.41 JALAN PP 7/19, TAMAN PUTRA PERDANA 47100 PUCHONG, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 11929 : FARAH LIYANA BINTI ROZALI - 89021607**** NO.25 LORONG TASEK MAJU 4, TAMAN TASEK MAJU 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1	: PUNITHA SELVA REENA A/P SUBRAMANIAM - 86031235**** NO. 64 LALUAN JATI 3, TAMAN SRI MERU, JELAPANG 3002 IPOH, PERAK	Penjamin 1	: ELIAS BIN OMAR - 64120607**** 257-A MUKIM B, SUNGAI RUSA, BALIK PULAU 11010 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ROZITA BINTI MOHD ZAHARI - 64021608**** NO. 41 JALAN PP 7/19, TAMAN PUTRA PERDANA 47100 PUCHONG, SELANGOR	Penjamin 1	: ROZALI BIN SERAT - 64032707**** 2205 MUKIM 14, BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2	: PUNITHA VELLINA A/P SUBRAMANIAM - 82062507**** 3-1-3 DESA SELATAN APARTMENT, JALAN JELUTONG 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: ZAHARI BIN ISMAIL - 63090607**** 477 MK 3 , SUNGAI RUSA, BALIK PULAU 11010 PULAU PINANG	Penjamin 2	: NOR ADILA BINTI AZMAN - 86122756**** NO. 41 JALAN PP 7/19, TAMAN PUTRA PERDANA 47100 PUCHONG, SELANGOR	Penjamin 2	: MOHD SHARIZAL BIN MD ISA - 84121202**** NO.269 TAMAN SENA, LABU BESAR 09010 KULIM, KEDAH
No Akaun Peminjam	: 11930 : MUHAMMAD ALIF DANIAL BIN AZMAN - 93120207**** E-1-15, PANGSAPURI PESONA, JALAN PJ1, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI	No Akaun Peminjam	: 11933 : ZULKIFLI BIN MD YUSOP - 91060907**** 287 MK6 SIMPANG EMPAT, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11937 : MOHD AZLY BIN ZULKAPLEE - 82082502**** E-1-11, PESONA APARTMENT, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI	No Akaun Peminjam	: 11939 : FAIQA IZZATI BINTI KASIM - 93122707**** NO.481 MUKIM 5 , KAMPUNG PERMATANG ARA 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1	: ZULIANA BINTI ZULKIFLI - 64070908**** E-1-15 PANGSAPURI PESONA, JALAN PJ 1, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI	Penjamin 1	: NORSHAKIRAH BINTI MD YUSOP - 85062807**** NO.287 MK 6, SIMPANG EMPAT, BUKIT TENGAH 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: NURULANIS BINTI ZULKAPLEE - 84083107**** NO.268C LORONG ASTANA 10/10, BANDAR SERI ASTANA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 1	: PARIZA BINTI RAMLI - 62091407**** NO.481 MUKIM 5, KAMPUNG PERMATANG ARA 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2	: ZULKIFLY BIN MAT HASHIM - 73052009**** C-04-04 PANGSAPURI PESONA, JALAN PJ 1, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI	Penjamin 2	: MOHD REDWAN BIN MD YUSOP - 83110407**** NO. 51-52 KAMPUNG BARU, KAMPUNG RAJA, CAMERAN HIGHLANDS 39010 PAHANG	Penjamin 2	: FAIZAL BIN MD SAID - 84081807**** NO.268C LORONG ASTANA 10/10, BANDAR SERI ASTANA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 2	: OMAR HARIZI BIN KASIM - 86092735**** NO.164 JALAN DESA AMAN S16/6, TMN DESA AMAN, SUNGAI KARANGAN 09300 KULIM, KEDAH
No Akaun Peminjam	: 11941 : ASMA NAZWIN BINTI MUHSIN - 92050807**** NO. 27 JALAN FORUM 4/731D, SEKSYEN 7, SHAH ALAM 40000 SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 11962 : MARDHIYAH BINTI MOHAMAD - 92032307**** NO.16 LORONG PAUH JAYA 4/2, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI	No Akaun Peminjam	: 11964 : ISA ABDUL HADI BIN MOHD SALLEH - 94080707**** NO.178 MUKIM 2, TELUK BAHANG 11050 BALIK PULAU, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11973 : SITI NUR BAYA BINTI IDRIS - 88042407**** 198D JALAN BURMA, GEORGETOWN 10350 PULAU PINANG
Penjamin 1	: MUHSIN BIN SAID - 64081707**** NO.7148 BLOK J, MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: SITI BADRIAH BINTI MOHAMAD - 81071809**** NO.16 LORONG PAUH JAYA 4/2, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI	Penjamin 1	: ALI SYARIATI BIN MOHD SALLEH - 85010307**** NO.178 MUKIM 2, TELOK BAHANG 11050 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MOHAMMAD SHAHRLI BIN SHAFIE - 87051535**** NO. 30 PINTAS SEMBILANG 13, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2	: FAZLIYATON BINTI AHMAD SUHAIMI - 73052707**** NO.7148 BLOK J, MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: MUHAMMAD SOFWAN BIN MOHAMAD - 83042002**** NO.1-5 TINGKAT BAWAH (B1), PANGSAPURI IDAMAN, JALAN BARU 13500 TAMAN PAUH, PERAI	Penjamin 2	: AMEEN HUSSAINI BIN MOHD SALLEH - 83052907**** NO.178 MUKIM 2, TELOK BAHANG 11050 BALIK PULAU, PULAU PINANG	Penjamin 2	: AHMAD KHAIRUL NIZAM BIN ARIF - 85031907**** NO. 273 JALAN DATO KRAMAT, KAMPUNG MAKAM 10150 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 11978 : AFIZA BINTI MOHD ZAINI - 88093035**** SMA AL-AHMADIAH AL-JITIMIAH, JALAN PADANG LALANG 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 11984 : SHARREMHELAAN A/L GOBALA KRISHNAN - 95051507**** NO.155 PERSIARAN SEKSYEN 3/1, BANDAR PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU GOBALA KRISHNAN A/L V MUNIANDI - 59043007****	No Akaun Peminjam	: 11986 : MOHD FARIZ AIZAT BIN MOHD NASIR - 95052807**** NO.7203 BLOK J, MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11989 : NUR FATINAINA BINTI RAHIM - 92010307**** 1512 PERMATANG KERAI KECIL 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 1	: NADIA BINTI MOHD ZAINI - 87082735**** NO.190 LORONG KEMUNING 3, TAMAN KEMUNING 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 1	: 11985 : GOBALA KRISHNAN A/L V MUNIANDI - 59043007**** NO.155 PERSIARAN SEKSYEN 3/1, BANDAR PUTRA BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: MOHD NASIR BIN AYOB - 65081107**** NO.7203 BLOK J, MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MOHD FASAL BIN A RAHIM - 85011407**** NO.1512 PERMATANG KERAI KECIL 13200 KEPALA BATAS, SPU
Penjamin 2	: MUHAMAD SYAFIQ BIN SUHAIMY - 88062635**** NO.534 MUKIM 19, MENGKUANG DAM 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: KOMALA A/P P M SUBRAMANIAM - 68062707**** NO.15 LORONG MELUR 14, BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: FARAH DIYANA BINTI MOHD NASIR - 89100607**** NO.7203 BLOK J, MUKIM 12, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: MOHAMAD ZAMRI BIN A RAHIM - 87091135**** NO.1512 PERMATANG KERAI KECIL 13200 KEPALA BATAS, SPU
No Akaun Peminjam	: 11991 : MUHAMMAD AMIN EZEKIEL BIN ABDULLAH @ EZEKIEL A/L GANASAN - 89121907**** 22-14-9 EASTERN COURT , JALAN HJIAU 8, 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11993 : AFFIFIY SHUHADA BT ABDUL RAZAK - 90091807**** 58-3-5 TAMAN KOPERASI, JELUTONG 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 11998 : SUNDARESAR A/L KUNASAGARAN - 91021907**** NO.11 LORONG MANGGA 2, TAMAN MANGGA, JURU 14100 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 12001 : MUHAMMAD FAIZ FATHI BIN KHAIRUDDIN - 93093007**** NO.36 LORONG PAUH JAYA 2/5 , TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI</td

Bantuan kepada penjaja, peniaga demi rangsang semula ekonomi

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

DATUK KERAMAT – Sehingga 18 Jun 2020, seramai 13,876 penjaja serta peniaga kecil telah menerima bantuan khas *one-off* RM500 menerusi Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 1.0 dan 2.0 hasil inisiatif khas Kerajaan Negeri.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa sebanyak 63 peratus daripada anggaran 22,050 peniaga pasar, penggerai dan kendera saji telah menerima bantuan khas tersebut merangkumi peruntukan berjumlah RM6.94 juta.

“Melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 1.0 dan 2.0 bernilai keseluruhan RM151 juta sebagaimana diumumkan Ketua Menteri sebelum ini, sebanyak RM11.37 juta adalah diperuntukan bagi membantu para peniaga, penjaja serta penggerai termasuk peniaga di pasar pagi, malam dan kendera saji membabitkan pemberian masing-masing berjumlah RM500 secara *one-off*.

“Jumlah selebihnya masih di dalam proses dan diharap ia dapat diselesaikan secepat mungkin,” ujarnya pada sidang media di sini 30 Jun lalu.

Jagdeep berkata demikian sebagai respons kepada saranan Perdana Menteri agar pihak berkuasa tempatan (PBT) di setiap negeri bersikap proaktif dengan turun padang dan menyalurkan bantuan kepada peniaga terjejas.

Hadir sama, wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Persatuan Syukur Penyayang Pulau Pinang, *Penang Fo Yi Haemodialysis Society* dan *Penang Buddhist Free School*.

Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri

(ADUN) Datuk Keramat sebelum itu menyaksikan pemberian sumbangan 1,000 keping pelitup muka daripada *CNI Enterprise* kepada persatuan-persatuan berkenaan.

CNI Enterprise melalui tanggungjawab sosial korporatnya (CSR) menyumbangkan 1,000 keping pelitup muka bernilai hampir RM20,000 dan lebih istimewa adalah pelitup muka berkaitan adalah jenis yang boleh digunakan semula.

Mengulas lanjut mengenai inisiatif bagi membantu golongan penjaja serta peniaga kecil di negeri ini, Jagdeep memaklumkan bahawa selain bantuan *one-off*, Kerajaan Negeri juga bertindak memudahkan kembali operasi perniagaan golongan berkenaan.

“Bagi membangunkan semula ekonomi negeri Pulau Pinang, kita telah membenarkan dan memberi permit kepada penjaja dan peniaga kedai durian untuk beroperasi semula dengan kadar segera baru-baru ini.

“Kita (Kerajaan Negeri) sedar bahawa jenis perniagaan yang diusahakan mereka adalah bermusim, justeru kita membantu memberi permit operasi.

“Selain itu, kebenaran operasi pasar pagi dan malam juga telah diberikan semula bagi memastikan lebih ramai penjaja serta peniaga kecil dapat menjana semula sumber pendapatan masing-masing dan seterusnya merangsang ekonomi negeri.

“Sehingga 29 Jun 2020, sebanyak 34 pasar telah dibenarkan beroperasi semula merangkumi sembilan pasar pagi, pasar malam (21) dan pasar ria (4), yang mana beberapa lagi berada dalam proses mendapatkan kelulusan permit daripada pihak PBT masing-masing,” jelasnya.



JAGDEEP Singh Deo.

TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627

Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>



Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohn penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 12004 : AHMADRIZAL BIN HASSAN - 87010907****	No Akaun Peminjam	: 12008 : HASNIZA BINTI ABU BAKAR - 81062307****	No Akaun Peminjam	: 12010 : SAFFIRUL AMRI BIN SATAR - 92051507****	No Akaun Peminjam	: 12014 : EZZATI BINTI MUZAMMIL - 94100407****
Penjamin 1	: 17 KOMTAR 10675 PULAU PINANG : ZULKIFLY BIN HASSAN - 79042207****	Penjamin 1	: SEKOLAH KEBANGSAAN ALOR SETAR, JALAN LANGGAR 05460 ALOR SETAR, KEDAH : MD SHIFON NIZAM BIN AHMAD - 81061402****	Penjamin 1	: 14400 BUKIT MERTAJAM NO. 30 JALAN AMIRA 2, TAMAN AMIRA, JALAN LANGGAR 05460 ALOR SETAR, KEDAH	Penjamin 1	: 14400 BUKIT MERTAJAM : SATARIYAH BINTI MAHMUD - 65072407****
Penjamin 2	: ROZITA BINTI HASSAN - 76050307**** NO.506 LORONG KTC 2/13, KULIM TECHNO CITY 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 2	: NURUL SHAHIDA BINTI AHMAD - 86100802**** NO. 6A BATU 24 3/4 , JALAN EMPANGAN PEDU 06300 KUALA NERANG, KEDAH	Penjamin 2	: 14400 BUKIT MERTAJAM : NORSIAH BINTI SAHID - 65051707****	Penjamin 2	: 14400 BUKIT MERTAJAM NO.737 PERMATANG KERIANG 13100 PENAGA, SPU
No Akaun Peminjam	: 12015 : IDZHARUZAINI BIN TIONO - 83110107**** 210 LORONG RIA 5/1, TAMAN RIA 09400 PADANG SERAL, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 12017 : NUR AMIRA MAHFUDZAH BT RASHIDI - 95122807****	No Akaun Peminjam	: 12019 : AHMAD RAZIN BIN SHAHUL HAMID - 92032507****	No Akaun Peminjam	: 12030 : ZURFATIN ASSHEILA BINTI ZULKIPLE - 90121407****
Penjamin 1	: NORSYARINA BINTI RAMLI - 86012502**** NO.210 LORONG RIA 5/1, TAMAN RIA, 09400 PADANG SERAL, KEDAH	Penjamin 1	: 6 LORONG SUNGAI DUA, JALAN PENGKALAN MACHANG, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH : JULIAH BINTI ISMAIL - 72111003****	Penjamin 1	: D-G-9 TAMAN ABIDIN, JALAN PERAK 10500 GEORGETOWN, PULAU PINANG : MUHAMMAD AL-NUR BIN SHAHUL HAMID - 86110935****	Penjamin 1	: NO.1216 MUKIM 20, MENGKUANG MAK SULONG, PENANTI 14400 BUKIT MERTAJAM : ZULKIBIN RAZAK - 62010407****
Penjamin 2	: ZULINA BINTI HARIS - 64063007**** NO.68-5-2 PANGSAPURI MESRA, JALAN LIM KHOON HUAT 10460 PULAU PINANG	Penjamin 2	: NO.6 LORONG SUNGAI DUA, JALAN PENGKALAN MACHANG 13800 SUNGAI DUA, BUTTERWORTH : LILY NOR ISMAWATI BINTI SALLEH - 75020202****	Penjamin 2	: 2A-03-09 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJAH REHMAH 11600 PULAU PINANG : SHAHUL HAMID BIN KALANTHER MASTAN - 65101507****	Penjamin 2	: NO.1216 MENGKUANG MAK SULONG, PENANTI 14400 BUKIT MERTAJAM : AHMD NIZAM BIN HARON - 76112502****
No Akaun Peminjam	: 12033 : SITI KHADIJAH BINTI AZAHAR - 94082007**** 553 JALAN LEMBAH PERMAI, TANJUNG BUNGAH 11200 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12036 : SHAIKH MUHAMMAD SYAZWAN BIN SHAIKH SULAIMAN - 92052207****	No Akaun Peminjam	: 12039 : JEYASREE A/P ARUMUGAM - 86120535****	No Akaun Peminjam	: 12042 : AMMAR ASYRAF BIN MOHD JAMIL - 95061308****
Penjamin 1	: ZARINA BINTI SHINTA MADAR - 70120207**** NO.11-A LALAN TEKONG 10150 PULAU PINANG	Penjamin 1	: NO.180 E JELUTONG TIMUR, GEORGETOWN 11600 PULAU PINANG : SHAIKH SULAIMAN BIN SHAIKH TAHIR - 65074014****	Penjamin 1	: 8M-02-05 TANJUNG COURT, AIR ITAM, FARLIM 11500 GEORGETOWN, PULAU PINANG : ARUMUGAM A/L K NADASON - 61110907****	Penjamin 1	: NO. 2 LORONG 4 , TAMAN TASEK INDAH 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2	: MOHD FADZIL BIN SHINTA MADAR - 73020507**** 2-8-F SOLOK TEMBAGA 11600 PULAU PINANG	Penjamin 2	: IK-8-8 PASUKAN GERAKAN MARIN WILAYAH (1), BATU UBAN, GELOGOR 11700 PULAU PINANG : NORSAHIRA BINTI ZAINUL ABIDIN - 75121107****	Penjamin 2	: NO. 2C-12-11 MEDAN ANGSANA SATU, JALAN THEAN TEIK 11500 PULAU PINANG : VINESH A/L ARUMUGAM - 92021307****	Penjamin 2	: MOHD JAMIL BIN MAT NANYAN - 68051602****
No Akaun Peminjam	: 12044 : ABDUL AZIZ BIN ABD. LATIF - 75012907****	No Akaun Peminjam	: 12050 : IKA FARIKAHAINANI BINTI MOHAMED YAMIN - 94051107****	No Akaun Peminjam	: NO. 9 LORONG SYAHBANDAR 35, BERTAM PERDANA 3, 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: NO. 2 LORONG TASEK INDAH 4, TAMAN TASEK INDAH 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 1	: 5-15-5 KRYSYAL SURIA, MEDAN KAMPUNG RELAU 1, SG NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG : MUZIRAH BINTI TAJUDIN - 77080907****	Penjamin 1	: 2A-20-04 MUTIARA IDAMAN APARTMENT, SOLOK TENGKU, JELUTONG 11600 PULAU PINANG : MOHAMED YAMIN BIN MOHAMED ALI - 59102607****	Penjamin 2	: NO. 9 LORONG SYAHBANDAR 35, BERTAM PERDANA 3, 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 1	: ROHAIZAT BIN AYOP - (MENINGGAL DUNIA) 14-A, JALAN PUTRI GUNUNG 1, MUTIARA JAYA, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG AMPAT, SPS
Penjamin 2	: 5-15-5 KRYSYAL SURIA, MEDAN KAMPUNG RELAU 1, SUNGAI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG : ABDUL RAHIM BIN ABD LATIF - 77081207****	Penjamin 2	: MUHAMMAD DZRIFF AKRAM BIN MOHAMED YAMIN - 89010707****				
	: 2-5-8 LEBUH NIPAH 3, TAMAN LIP SIN, SUNGAI NIBONG 11900 PULAU PINANG		: NO. 9 LORONG SYAHBANDAR 35, BERTAM PERDANA 3, 13200 KEPALA BATAS, SPU				

Dewan Bandaraya jalani proses restorasi



JAGDEEP Singh Deo (kanan sekali) dan Ar. Yew Tung Seang (dua dari kiri) bersama-sama barisan Ahli Majlis MBPP menunjukkan pelan restorasi bangunan Dewan Bandaraya bersempena majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

PADANG KOTA – Bangunan Dewan Bandaraya yang berstatus warisan Kelas Satu berusia 140 tahun kini sedang melalui proses restorasi oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa kerja-kerja restorasi serta pemuliharaan melibatkan kos RM8 juta itu akan mengambil masa selama 18 bulan untuk disiapkan.

“Kerja-kerja ini dijangka akan disiapkan dalam tempoh 18 bulan mengikut tatacara kerja bagi bangunan warisan yang meliputi kerja-kerja membaiki struktur bumbung, lantai, tangga, tiang dan melepa dinding.

“Kerja-kerja lain adalah meliputi mengecat keseluruhan bangunan, menyusun semula ruang dalam, kerja-kerja infrastruktur seperti pembersihan tapak, kerja tanah, kerja-kerja mekanikal dan elektrik, sistem perpaipan serta sanitari.

“Pembaikpulihan akan menggunakan kaedah

pemuliharaan yang betul serta bahan binaan seperti asal ekoran bangunan ini merupakan bangunan warisan Kelas Satu,” ujarnya pada sidang media dekat Dewan Bandaraya di sini 2 Julai lalu.

Hadir sama, Datuk Bandar bagi MBPP, Dato’ Ar. Yew Tung Seang; Setiausaha Bandaraya bagi MBPP, Dato’ Ir. Addnan Mohd. Razali dan Ahli-ahli Majlis bagi MBPP.

Tambah Jagdeep, objektif pemuliharaan tersebut dilaksanakan adalah bertujuan mengekalkan keaslian serta ketulenan bangunan warisan tersebut.

‘Malah, ia juga bertujuan mengoptimum serta menghidupkan semula penggunaan warisan untuk pembangunan ekonomi, sosial, budaya dan pendidikan masa depan.

“Selain Dewan Bandaraya, kerja-kerja pemuliharaan turut meliputi pembaikpulihan menara jam di bulatan Padang Kota, Lebuh Light; penaitarafan Dewan Undangan Negeri (DUN); naik taraf Dewan Sri Pinang dan kerja-kerja landskap di Fountain Garden yang sudah pun siap,” ulas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat itu lagi.



BANGUNAN Dewan Bandaraya yang kini dalam proses restorasi.

MBPP peruntuk RM3.8 juta pengecualian sewa premis perniagaan dan perumahan awam

GEORGE TOWN

– Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melalui Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) yang bersidang baru-baru ini bersetuju memberikan pengecualian sewa kepada premis perniagaan dan perumahan miliknya selama empat bulan membabitkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM3,848,000.

Ahli Majlis MBPP, Wong Yuee Harng berkata bahawa sebanyak 1,566 unit perumahan awam dan 5,963 unit komersial (premis perniagaan) terlibat untuk pengecualian sewa dari bulan April hingga Julai 2020 tersebut.

“Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKP Bersyarat (PKPB) dan PKP Pemulihan (PKPP) telah memberi banyak impak terhadap rakyat dan golongan peniaga dalam meneruskan perniagaan dengan normal-normal baharu.

“Justeru, melalui pengumuman yang dibuat pihak Kerajaan Negeri melalui Paket Bantuan Rakyat Pulau Pinang 1.0 pada 25 Mac 2020 dan Paket Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 (6 Mei 2020), MBPP bersetuju memberikan pengecualian bagi meringankan bebanan rakyat,”

ujarnya pada Mesyuarat Biasa Majlis (MBM) yang bersidang menerusi teleconference di sini baru-baru ini.

Menurut Yuee Harng, dalam



WONG Yuee Harng.

Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 1.0, pengecualian sewa bulanan untuk rumah sewa Kerajaan Negeri dan Program Perumahan Rakyat bagi tempoh dua bulan iaitu April dan Mei 2020 telah diluluskan.

“Pengecualian sewa tambahan dua bulan lagi (Jun dan Julai 2020) untuk rumah sewa dan Program Perumahan Rakyat (PPR) di bawah Kerajaan Negeri telah diberikan dalam pakej 2.0.

“Manakala, pengecualian sewa satu bulan bagi premis-premis perniagaan milik Kerajaan Negeri serta pihak berkuasa tempatan (PBT) pada bulan April 2020 telah dilulus serta diumumkan dalam Paket Bantuan Rakyat Pulau Pinang 1.0 dan tambahan tiga bulan seterusnya iaitu Mei, Jun dan Julai 2020 dalam pakej bantuan 2.0,” jelasnya.

Penang Smart Parking
Kini Boleh Didapati di
Huawei

TEROKAINYA DI
AppGallery

Ganjaran Pulangan Tunai RM 5
 untuk 10,000 Muat Turun Terawal!*
 *Tertakluk Terma & Syarat

Kawalan pandemik COVID-19: Kerajaan Negeri sedia perhalusi, selaras SOP

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

Gambar : **ALISSALA THIAN**

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersedia menyeraskan semua prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan di peringkat Kerajaan Persekutuan dalam memastikan keselamatan dan kesihatan awam rakyat di negeri ini terus terjamin.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa, Jagdeep Singh Deo menyatakan bahawa Kerajaan Negeri amat prihatin dengan maklum balas yang diterima daripada rakyat Pulau Pinang berhubung perbezaan SOP di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

“Sebagai makluman rakyat Pulau Pinang, Kerajaan Negeri sentiasa mematuhi segala SOP yang diperuntukan oleh Kerajaan Persekutuan bagi membendung penularan pandemik COVID-19 di negara ini.

“Namun, terdapat beberapa SOP oleh Kerajaan Persekutuan yang mana Kerajaan Negeri berpandangan bahawa adanya keperluan SOP tersebut diperketatkan lagi setelah mengambil kira faktor dan keperluan secara lokal (tempatan) di negeri ini.

“Oleh itu, Kerajaan Negeri bersedia menyeleraskan kesemua SOP yang ada dan akan mengambil sedikit masa untuk memperhalusi satu per satu sebelum dipersetujui (pelaksanaannya) antara Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan serta agensi-agensi kerajaan terlibat,” ujarnya pada sidang media sejurus hadir menyaksikan Upacara Pengakuan Menerima Jawatan sebagai Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di Dewan Bandaraya dekat sini pada 9 Julai lalu.

Mengulas lanjut, Jagdeep yang juga Pengurus Jawatankuasa Kumpulan Kerja Pembudayaan Kebiasaan Baharu dan Jawatankuasa Kumpulan Kerja Perundungan dan Penguatkuasaan di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Pulau Pinang memberitahu bahawa terdapat 53 SOP yang dikeluarkan di peringkat Kementerian serta pelbagai agensi kerajaan berbeza setakat ini.



JAGDEEP Singh Deo (kiri sekali) dan Ar. Yew Tung Seang (kanan sekali) mengadakan perbincangan dengan Rodziah Abul Kassim sejurus Upacara Pengakuan Menerima Jawatan sebagai Ahli Majlis bagi MBPP di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, jumlah SOP berkaitan turut bertambah setiap minggu setelah beberapa sektor kini telah dibuka semula secara berfasa sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Pemulihan.

“Sebelum ini, pada 25 Jun 2020, suatu mesyuarat jawatankuasa bersama-sama MKN Negeri Pulau Pinang, MBPP, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan wakil dari pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri telah bersetuju untuk menyeraskan perbezaan SOP antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri demi kesenangan rakyat.

“Malah, pihak MKN Negeri Pulau Pinang turut memuji usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memperketatkan SOP demi keselamatan serta kesihatan rakyat di negeri ini, dan Kerajaan Persekutuan tiada seberang halangan terhadap usaha tersebut,” jelasnya yang berharap untuk mengadakan satu lagi mesyuarat bersama-sama agensi penguatkuasaan bagi memuktamadkan segala cadangan penyelaras dalam masa terdekat ini.

Terdahulu, ketika menyampaikan ucaptama dalam upacara pengakuan menerima jawatan sebagai Ahli Majlis, Jagdeep memaklumkan bahawa kadar pematuhan rakyat Pulau Pinang sehingga 5 Julai 2020 adalah pada tahap sangat baik.

“Kadar pematuhan SOP di bahagian pulau, daripada 177,498 pemeriksaan, adalah dicatatkan bahawa 99.68 peratus patuh dan mengikut saranan kerajaan. Manakala di bahagian Seberang Perai daripada 340,465 pemeriksaan, pematuhan direkodkan adalah pada 99.28 peratus.

“Suka saya mengingatkan seluruh rakyat Pulau Pinang untuk terus memastikan pematuhan yang baik demi keselamatan serta kesihatan semua kerana perjuangan menentang pandemik ini masih belum tamat dan kita semua perlu bersama-sama terus melawan COVID-19,” sarannya.

Dalam ucaptama serupa, Jagdeep turut mengulangi semula iltizam dan peranan yang dimainkan oleh seseorang Ahli Majlis bagi pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Jangan lupa objektif atau matlamat sebenar sebagai Ahli Majlis yang mana setiap Ahli Majlis perlu menyemat dua ‘buku’ dalam menterjemahkan khidmat bakti mereka iaitu Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNP) 2030 dan Visi Penang2030 terutama dalam membendung penularan pandemik COVID-19.

“Sejak 26 April 2020, tiada kes baharu dicatatkan di Pulau Pinang dan semuanya adalah hasil titik peluh barisan hadapan termasuk pihak berkuasa tempatan, MBPP dan MBSP yang mengawal selia tempat perniagaan serta tapak pembinaan di seluruh negeri ini,” katanya sambil menzahirkan penghargaan kepada pihak berkaitan.

Usai ucaptama, Ahli Majlis yang baharu dilantik, Rodziah Abul Kassim menyempurnakan lafadz menerima jawatan di hadapan Jagdeep serta Datuk Bandar bagi MBPP, Dato’ Ar. Yew Tung Seang.

Hadir sama, Ahli Parlimen Balik Pulau, Muhammad Bakhtiar Wan Chik; Setiausaha Bandaraya, Dato’ Ir. Addnan Mohd. Razali; barisan Ahli-ahli Majlis serta Ketua-ketua Jabatan MBPP.

Mangsa kebakaran terima sumbangan

PINANG TUNGGAL – “Terasa bagi nak luruh jantung, tak tahu nak kata apa, kira-kira jam 1 pagi bergegas pulang dari (bahagian) pulau apabila dapat panggilan daripada jiran, beritahu rumah tempat saya dan mak saudara menyewa ini terbakar.”

Demikian jelas Sofea Yasim, 46, ketika dizerahi Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman di sini pada 27 Jun lalu.

Sofea, peniaga kecil di Kompleks Penjaja Bertam memberitahu bahawa kira-kira 70 peratus bahagian bumbung kediaman serta tiga unit rumah kluster lain dekat Persiaran Seksyen 6/30 Taman Putra Bertam dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pinang Tunggal di sini hangus dijilat api dalam kejadian kira-kira 12:45 pagi 27 Jun 2020.

“Menurut (Jabatan) Bomba (dan Penyelamat Malaysia, JBPM), punca kebakaran adalah lintar pintas dari salah sebuah rumah di sini.

“Saya bersyukur kepada Allah kerana saya dan mak saudara selamat.

“Terima kasih kepada ADUN Pinang Tunggal (Ahmad Zakiyuddin) dan agensi negeri kerana menyalurkan bantuan kecemasan begitu cepat, dalam tempoh tidak sampai 24 jam,” jelasnya semasa ditemui bual pemberita.

Sebelum itu, Ahmad Zakiyuddin yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat memberitahu bahawa sehingga kini, RM1,000 daripada Tabung Bantuan Bencana TYT telahpun diserahkan masing-masing kepada keempat-empat keluarga mangsa kebakaran.



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada Sofea Yasim (tiga dari kiri) ketika meninjau keadaan mangsa-mangsa kebakaran di sini baru-baru ini.

tersebut.

Bantuan yang biasa disalurkan oleh Kerajaan Negeri melalui Tabung (Bantuan Bencana) TYT dan JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) telah diserahkan.

“Kemungkinan Zakat Pulau Pinang (ZPP) juga akan salurkan kerana semua keluarga yang terlibat adalah orang Islam,” jelasnya yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dalam sidang media bersama-sama Penghulu Kawasan, Sayuthi Ismail.

Dalam pada itu, Muhasdey Muhammad iaitu Pegawai Khas kepada Timbalan Ketua Menteri I pula menyatakan bahawa Ahmad Zakiyuddin turut mengeluarkan peruntukan peribadi antara RM300 hingga RM500 untuk disumbangkan kepada keempat-empat wakil rumah yang terlibat dalam kebakaran tersebut.

Dewan Komuniti sebagai perpustakaan mini

BATU UBAN – Dewan komuniti dekat Minden Heights yang sebelum ini terbiar sejak sekian lama bakal dijadikan sebagai perpustakaan mini dan pusat komuniti bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Uban.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) nya, A. Kumaresan berkata bahawa dewan komuniti yang dimiliki oleh Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut, baru-baru ini diubah suai dengan kos RM30,000.

“Tempat ini sebelumnya digunakan sebagai ‘Kawasan Rukun Tetangga Minden Heights’ (KRT Minden Heights) tetapi tidak digunakan dengan sebaik mungkin.

“Justeru, saya mengemukakan cadangan kepada pejabat tanah untuk menghidupkan kembali dewan ini yang mana mereka memperuntukkan RM30,000 untuk kerja-kerja pengubahaian kecil.

“Kerja-kerja pengubahaian melibatkan baik pulih atap, pengecatan serta pemasangan pagar. Sebelum ini, pernah berlaku kes pencerobohan dan vandalisme. Justeru, untuk tujuan keselamatan, kami harus memasang pagar,” katanya kepada Buletin Mutiara semasa mengadakan lawatan ke dewan berkenaan pada 28 Jun lalu di sini.

Pada lawatan itu juga, Kumaresan menyaksikan penyerahan kunci dewan berkenaan daripada Penghulu Daerah Timur Laut, Mohd. Tajuddin Ramli kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung



A. Kumaresan (empat dari kanan) bersama-sama Mohd. Tajuddin Ramli (tiga dari kanan) dan pemimpin setempat menunjukkan tanda bagus sejurus selesai majlis penyerahan kunci dewan komuniti dekat Minden Heights di sini baru-baru ini.

JETI Pulau Aman bakal dinaik taraf bagi kemudahan pelancong dan nelayan.

PULAU Aman atau juga dikenali dengan nama 'Island of Peace' merupakan kawasan perkampungan masyarakat Melayu yang semakin popular sebagai salah satu destinasi ekopelancongan menarik di Pulau Pinang.

Terletak di bahagian selatan Seberang Perai, perjalanan ke Pulau Aman hanya mengambil masa kurang 10 minit menggunakan bot dari Jeti Batu Musang dekat Bukit Tambun.

Selain kaya dengan panorama alam semula jadi yang indah serta mengasyikkan, di Pulau Aman juga terdapat beberapa struktur binaan lama seperti Telaga Mas dan masjid yang mampu menarik kehadiran pelancong sama ada dari dalam dan luar negara.

Wartawan Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** berkesempatan meneroka keindahan dan beberapa keunikan di sekitar Pulau Aman yang berbaloi untuk dinikmati oleh para pelancong.

Tarikan utama

Setibanya di Jeti Pulau Aman, kami dibawa oleh Pengurus Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat, Saibi Abdul Majid untuk melihat pokok Sukun Pulut berusia 203 tahun yang merupakan antara tarikan utama di pulau ini.

Pokok Sukun Pulut dekat Pulau Aman diiktiraf sebagai pokok sukun tertua dalam negara yang difahamkan ditanam pada tahun 1890 oleh Tok Awang Akib iaitu seorang guru Al-Quran.

Selepas itu, beliau membawa kami ke Telaga Mas berusia 231 tahun dan Masjid Ar-Rahman yang dibina sejak tahun 1817 (203 tahun).

"Sebelum adanya bekalan air bersih yang disediakan pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), telaga ini menjadi sumber air utama bagi penduduk di sini.

"Sekarang ada juga pelancong dari luar negeri yang datang ke Pulau Aman untuk berkhemah dan merasai sendiri pengalaman mandi serta minum air dari telaga ini," ujarnya.

Tambah Saibi, bagi mereka yang berminat melakukan aktiviti lasak, di Pulau Aman juga disediakan kemudahan bagi 'jungle tracking' dan tapak perkhemahan yang boleh memuatkan lebih 100 orang.

"Saya juga menyediakan perkhidmatan bot untuk aktiviti 'island hopping' kepada pelancong yang mana mereka akan dibawa mengelilingi Pulau Aman, Pulau Gedung sehingga ke Jambatan Sultan Abdul Halim Muadzam (jambatan kedua) dengan harga yang berpatutan," jelasnya.

Dalam pada itu, ditanya mengenai masa depan sektor pelancongan di Pulau Aman, Saibi menyatakan harapannya agar lebih banyak kemudahan ditambah baik bagi menarik lebih ramai kehadiran pelancong.

"Kita juga ada masalah mengenai lokasi untuk ke Jeti Batu Musang yang kini dikenali dengan pelbagai nama iaitu Jeti Pulau Aman, Jeti Bandar Cassia dan Jeti Batu Kawan yang mana keadaan ini akan mengelirukan pelancong terutamanya pelancong asing.

"Oleh itu, kita mohon pihak berkuasa tempatan (PBT) terlibat untuk menyeragamkan nama Jeti Batu Musang bagi mengelakkkan kekeliruan," serunya.

Menurut Saibi lagi, Pulau Aman juga telah berjaya menarik beberapa syarikat penerbitan untuk menjadikannya sebagai lokasi penggambaran bagi drama dan filem tempatan.

"Sebelum ini, beberapa penggambaran filem dan drama dilakukan di sini seperti Hala 3, Seribu Kali Cinta, Kemilau di Hati Nadhirah yang ternyata telah memperkenalkan lagi Pulau

Terokai keunikan ekopelancongan PULAU AMAN



Aman ke serata pelosok negara," ulasnya.

Makanan popular

Pulau Aman juga turut terkenal dengan keenakan masakan hasil laut segar dengan harga yang berpatutan berbanding di tempat-tempat lain.

Menurut pengusaha warung makanan laut, Fatimah Din, 55, antara makanan paling popular di Pulau Aman adalah mi udang kerana dimasak menggunakan hasil laut yang segar.

"Semua makanan yang dimasak di kedai kami menggunakan resipi turun-temurun dan masih dikekalkan sehingga hari ini.

"Kami juga hanya menggunakan hasil laut segar yang didapati terus dari nelayan tetapi dengan harga yang berpatutan.

"Masakan lain yang turut popular bagi pelancong terutamanya pada hujung minggu di sini adalah mi goreng udang dan nasi goreng udang serta ayam goreng tepung," katanya yang telah menjalankan perniagaan tersebut sejak 15 tahun lalu.

Selain makanan berdasarkan hasil laut, Pulau Aman juga terkenal dengan menu yang menggunakan buah sukun seperti kerepek sukun, serawa, puding, sukun goreng dan banyak lagi.

Lebih menarik, di Pulau Aman juga dikenali dengan pembuatan ikan masin serta belacan secara tradisional yang mana 100 peratus bahannya menggunakan udang.

Difahamkan, belacan yang dihasilkan di Pulau Aman turut mendapat permintaan di luar negeri seperti Selangor, Johor, Perak dan banyak lagi.

Perancangan masa depan

Bagi menjadikan Pulau Aman sebagai lokasi pelancongan yang mampan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah merangka beberapa perancangan bagi membangunkan kawasan berkenaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, Goh Choon Aik menyatakan bahawa pihaknya telah menyediakan laporan menyeluruh mengenai Pulau Aman dan telah



GOH Choon Aik (kanan) dan Saibi Abdul Majid merakam gambar dengan berlatarbelakangkan pintu gerbang atau pintu masuk Pulau Aman.

dibentangkan kepada Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

"Laporan ini terbahagi kepada dua iaitu Cadangan Pembangunan Bukit Tambun dan Cadangan Pembangunan Pulau Gedung yang mana kita telah menyediakan satu rancangan lengkap mengenai cadangan-cadangan ini.

"Salah satunya adalah untuk menaik taraf infrastruktur yang ada di Jeti Batu Musang dan Jeti Pulau Aman bagi kemudahan nelayan serta pelancong.

"Saya juga sedang meneliti kebolehlaksanaan pembangunan pelancongan di Pulau Gedung yang terletak bersebelahan dengan Pulau Aman.

"Ini kerana di Pulau Gedung juga terdapat tarikan tersendiri khasnya Gedung Peluru yang dibina pada tahun 1901 untuk kegunaan pihak British pada era penjajahan.

"Pulau Gedung berpotensi untuk dibangunkan sebagai tempat warisan dan juga kawasan ekopelancongan menarik," jelasnya kepada Buletin Mutiara ketika menyertai lawatan ke Pulau Aman baru-baru ini.

Tambah Choon Aik, Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri (BPEN) juga telah meluluskan peruntukan RM100,000 untuk menaik taraf Jeti Pulau Aman.

"(Dan) pada masa sama, pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) juga akan merancang semula untuk menaik taraf Jeti Batu Musang terutamanya kompleks penjaja, pusat makanan laut termasuk pantai di Batu Kawan selaras dengan pembangunan ekopelancongan Pulau Aman dan Pulau Gedung," ulasnya.

Mengulas lanjut, Chook Aik memberitahu bahawa usaha merancakkan aktiviti pelancongan Pulau Aman berdepan dua



POKOK Sukun Pulut ditanam pada tahun 1890 dan merupakan yang tertua di negara ini.

masalah utama iaitu kebersihan dan kurangnya penyertaan daripada penduduk setempat bagi penganjuran sebarang kempen atau aktiviti.

"Selama dua tahun kami adakan program iaitu Pesta Pulau Aman yang mana penduduk dilihat kurang menunjukkan minat untuk meningkatkan taraf hidup dan mereka lebih selesa dengan apa yang ada kini.

"Mereka juga seolah-olah kurang bersedia untuk menyambut kehadiran pelancong yang lebih ramai dan tidak mengambil peluang untuk mengecapi peluang ekonomi yang mungkin wujud dengan kehadiran pelancong," ujarnya.

Justeru, Choon Aik menyeru kepada semua penduduk untuk turut bersama-sama Kerajaan Negeri dalam usaha membangunkan Pulau Aman sebagai sebuah pulau ekopelancongan dan tapak warisan.

"Kita juga mahu penduduk bersedia menyambut pelancong dalam serta luar negara yang lebih ramai agar dapat mengecapi pertumbuhan ekonomi sekaligus meningkatkan pendapatan mereka."

"Malah, penduduk juga perlu memodenkan produk penghasilan selain perlu lebih kreatif dengan menyediakan cenderahati untuk dipasarkan kepada pelancong yang datang," seru beliau.

Bagi pencinta alam semula jadi dan penggemar ekopelancongan, Pulau Aman adalah antara lokasi terbaik untuk dilawati kerana kawasan ini bukan sahaja mempunyai pemandangan yang menarik bahkan lengkap dengan pelbagai kemudahan seperti inap desa, sekolah, klinik, hotel bajet, restoran dan banyak lagi.

JOM!



WARTAWAN Buletin Mutiara turut meneliti cengkerang yang terdapat di persisiran pantai.